



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI TERENGGANU**

**SIRI 3**





---

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

---

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI TERENGGANU**

**SIRI 3**





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PEJABAT TANAH KUALA TERENGGANU PEJABAT TANAH HULU TERENGGANU
3	Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan Dan Galian
	PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU
34	Pengurusan Perolehan
	MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
46	Pengurusan Hartanah Wakaf
	YAYASAN TERENGGANU
60	Trefound Educare Sdn. Bhd.
77	PENUTUP







---

# KATA PENDAHULUAN

---




---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan "*AG's Dashboard*" yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Auditi terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan, 2 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 9 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2014 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**

**18 Oktober 2015**



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## 1. PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

### PEJABAT TANAH KUALA TERENGGANU

### PEJABAT TANAH HULU TERENGGANU

#### - Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan Dan Galian

1.1. Industri perlombongan di Negeri Terengganu menunjukkan perkembangan positif dengan peningkatan jumlah lombong baru dan pengeluaran mineral. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu (PTG) adalah bertanggungjawab memproses permohonan dan pengeluaran lesen seperti lesen pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencari gali dan kebenaran perusahaan kuari. Setiap permohonan yang diterima perlu mendapat pandangan dan ulasan terlebih dahulu daripada jabatan-jabatan teknikal. Kadar royalti yang dikenakan ke atas setiap jenis bahan batuan adalah berdasarkan jenis milikan tanah di mana bahan batuan tersebut dikeluarkan sama ada tanah Kerajaan atau tanah milik. Pengiraan kadar royalti bahan batuan adalah seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Tanah Terengganu (PTT) Pindaan 2002 bagi tanah Kerajaan dan tanah milik.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Julai 2015 mendapati secara keseluruhannya tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan pengeluaran bahan batuan di Pejabat Tanah Kuala Terengganu (PTKT) dan Pejabat Tanah Hulu Terengganu (PTHT) adalah memuaskan kecuali bagi 2 aspek iaitu pengurusan tunggakan hasil royalti bahan batuan dan pemantauan berdasarkan kepada penilaian yang dibuat berasaskan kepada peraturan yang ditetapkan. Manakala di peringkat PTG pula, prestasi kutipan hasil royalti adalah baik. Bagaimanapun, tempoh proses permohonan lesen melombong bahan mineral memakan masa yang lama serta aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan lemah dan kurang berkesan. Secara ringkasnya, antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kutipan hasil royalti di PTHT berkurangan serta tunggakan royalti mineral di PTG dan tunggakan royalti bahan batuan di PTKT meningkat. Hasil royalti bahan batuan terkurang pungut (pungutan mengikut kadar lama berbanding kadar baru).
- Proses pengeluaran lesen melombong mengambil masa yang lama.
- Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang diluluskan Pajakan Melombong tidak diwartakan keluar dari kawasan HSK.
- Aktiviti pemantauan kurang berkesan menyebabkan berlakunya pelanggaran kepada prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

**1.3.** Bagi memastikan pengurusan pengeluaran bahan batuan dan galian dapat dilaksanakan dengan berkesan serta meningkatkan hasil kepada Kerajaan, pihak Audit mengesyorkan supaya PTG, PTKT dan PTHT mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

**1.3.1.** PTG hendaklah memastikan proses permohonan lesen melombong dapat diselesaikan dalam tempoh 8 bulan seperti yang ditetapkan dalam piagam pelanggan.

**1.3.2.** PTG mengkaji semula polisi dan peraturan berkenaan perlombongan bahan mineral bauksit (yang mengandungi elemen nadir bumi) dan isi padu muatan lori yang digunakan untuk pengalihan bahan batuan. Kajian semula juga perlu dibuat terhadap peraturan berkaitan bayaran royalti bagi mengelak/mengurangkan tunggakan hasil dengan memastikan royalti dibayar terlebih dahulu sebelum mineral dijual.

**1.3.3.** PTG, PTKT dan PTHT hendaklah memastikan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti pengalihan bahan batuan dan galian dilaksanakan secara berkala dari semasa ke semasa bagi mengelak berlakunya ketidakpatuhan terhadap syarat yang ditetapkan.

## **2. PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU (PMINT)**

### **- Pengurusan Perolehan**

**2.1** Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah ditubuhkan pada 1 April 1965 di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Terengganu (Bil.3/1965). Tujuan utama penubuhan adalah untuk menjadi agensi utama Negeri bagi melaksana dan mempercepatkan pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi Negeri Terengganu. PMINT telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang meliputi spektrum yang sangat luas meliputi hampir kesemua sektor ekonomi antaranya pembangunan hartanah, perladangan, agrobiotek, akuakultur, pembuatan dan perkhidmatan. Secara keseluruhannya, aktiviti PMINT dijalankan melalui 2 cara iaitu secara langsung dan melalui anak syarikat. Pengurusan perolehan PMINT dibuat berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekelling Perbendaharaan serta arahan-arahan lain berkaitan perolehan yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, PMINT telah memperoleh Sijil MS:ISO 9001:2008 - Sistem Pengurusan Kualiti Perolehan bagi memastikan proses dan tatacara perolehan PMINT diurus dan dilaksanakan dengan telus, teratur dan mematuhi peraturan kewangan PMINT dan Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati bagi tempoh 2012 hingga Mei 2015, jumlah perolehan yang dilakukan oleh PMINT bagi 4 jenis perolehan adalah RM515.28 juta dengan anggaran transaksi perolehan sebanyak 8,936. Daripada 8,936 transaksi tersebut, dianggarkan 7,608 transaksi adalah bagi pembelian terus berjumlah RM34.68 juta, 844 transaksi sebut harga berjumlah RM41.96 juta, 477 transaksi tender berjumlah RM347.13 juta dan 7 transaksi rundingan terus berjumlah RM91.51 juta.

**2.2** Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2015 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan PMINT adalah baik di mana peraturan dan prosedur berkaitan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus telah dipatuhi.



Antaranya Jawatankuasa Tender telah ditubuhkan, kajian pasaran telah dijalankan dan perancangan perolehan telah dibuat pada setiap tahun. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan perolehan secara rundingan terus seperti tiada rundingan harga dibuat, tiada pelantikan jawatankuasa rundingan harga dan tiada bukti mesyuarat jawatankuasa rundingan harga diadakan. Selain itu terdapat beberapa kelemahan dalam tatacara perolehan dan pelaksanaan projek seperti di bawah:

- Ketidapatuhan terhadap tatacara perolehan antaranya:
  - Kelewatan kelulusan lanjutan masa
  - Dokumen kontrak lewat ditandatangani
  - Tiada kebenaran Jabatan Teknik dan tiada kelulusan Pihak Berkuasa Melulus bagi perolehan perkhidmatan perunding
- Projek belum mendapat manfaat/hasil
- Projek lewat disiapkan dari tempoh yang ditetapkan

**2.3** Bagi memantapkan lagi tahap pengurusan perolehan, PMINT boleh mempertimbangkan beberapa tindakan seperti berikut:

**2.3.1** Mematuhi prosedur dan tatacara yang ditetapkan bagi perolehan secara rundingan terus.

**2.3.2.** Memastikan Paya Bunga Plaza I dan *Open Yard* yang telah siap pembangunannya dapat disewakan dalam tempoh terdekat bagi mengurangkan *holding cost* atas kedua-dua projek berkenaan.

### **3. MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)**

#### **- Pengurusan Hartanah Wakaf**

**3.1.** Mengikut Seksyen 63 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dipertanggungjawabkan sebagai pentadbir tunggal harta wakaf bagi seluruh Negeri Terengganu. Menurut MAIDAM, Wakaf ialah pemberian harta daripada orang awam seperti tanah, bangunan dan wang kepada Nazir Wakaf (Pemegang Amanah) yang bertujuan untuk kebajikan pihak yang ditentukan khasnya serta masyarakat Islam secara keseluruhannya. Harta wakaf terbahagi kepada 2 jenis iaitu Wakaf Ahli/Zuriat dan Wakaf Khairi (Kebajikan). Wakaf Khairi terbahagi kepada Wakaf Am dan Wakaf Khas. Wakaf Am adalah wakaf yang tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh ditadbir untuk apa jua bentuk pembangunan bagi memberikan hasil sebaik mungkin. Manakala Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah dikhaskan sahaja. Sehingga akhir tahun 2014, bilangan hartanah wakaf di Negeri Terengganu adalah sebanyak 649 lot tanah dan 88 unit bangunan.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2015 mendapati pada keseluruhannya pengurusan hartanah wakaf telah dilaksanakan dengan baik bagi aspek pewartaan, pendaftaran dan rekod. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Sehingga Disember 2014 pembangunan hartanah wakaf masih belum tercapai di mana 42.3% daripada lot tanah wakaf zuriat dan manfaat wakaf belum dimanfaatkan.
- 74.8% daripada lot tanah wakaf tapak masjid dan surau belum dibangunkan.
- Tunggakan sewa meningkat dan sebanyak 82 (81.2%) daripada 101 lot tanah yang dilupuskan masih belum dibuat penggantian (istibdal).

**3.3.** Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, MAIDAM adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**3.3.1.** Menyediakan rancangan yang komprehensif terhadap hartanah wakaf berdasarkan potensi semasa termasuk perancangan menggantikan (istibdal) hartanah wakaf yang telah diambil balik.

**3.3.2.** Menguatkuasakan syarat-syarat perjanjian sewa bagi meningkatkan prestasi kutipan sewa dan meminimumkan tunggakan sewa.

#### **4. YAYASAN TERENGGANU**

##### **- Trefound Educare Sdn. Bhd.**

**4.1.** Trefound Educare Sdn. Bhd. (TESB) merupakan anak syarikat milik penuh kepada Yayasan Terengganu (YT). TESB ditubuhkan pada 4 Januari 1992 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal saham dibenarkan sejumlah RM1.0 juta dan dibayar sepenuhnya. Aktiviti utama TESB adalah mengendalikan latihan vokasional dan kelas-kelas tuisyen dengan dikenali sebagai Institut Kemahiran Trefound Educare.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan TESB adalah kurang memuaskan kerana keuntungan terkumpul menunjukkan penurunan yang ketara daripada RM0.36 juta pada tahun 2012 kepada RM0.05 juta pada tahun 2014. Penurunan ini disebabkan TESB mengalami kerugian semasa sebelum cukai bagi 2 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM0.23 juta pada tahun 2013 dan RM0.08 juta pada 2014 berbanding keuntungan sejumlah RM0.19 juta pada tahun 2012. Prestasi aktiviti TESB adalah memuaskan kecuali aspek pentauliahan kursus dan bilangan pengambilan pelajar yang masih belum tercapai. Manakala dari aspek tadbir urus korporat pula didapati masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dan diberikan perhatian untuk mencapai kecemerlangan. Secara ringkasnya kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti di bawah:

- Satu kursus tidak mempunyai perakuan pentauliahan dan 3 kursus lagi diluluskan secara bersyarat.

- Tiga permohonan pentauliahan tidak mendapat kelulusan Jabatan Pembangunan Kemahiran.
- Bilangan pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran.
- Ketidapatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat antaranya berkaitan Setiausaha Syarikat, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak bermesyuarat sejak tahun 2010, Ikrar Integriti Korporat belum dilaksanakan serta kelemahan dalam pengurusan kewangan.

**4.3.** Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan TESB, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

**4.3.1.** Memastikan program usaha sama atau francais dengan mana-mana pihak mendapatkan pengiktirafan yang sewajarnya.

**4.3.2.** Menyediakan Strategi dan Rancangan Korporat dan *Standard Operating Procedures* yang menyeluruh sebagai garis panduan yang jelas bagi memastikan tadbir urus korporat, pengurusan kewangan dan pengurusan aset dapat diuruskan dengan baik.





---

**AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI**

---




# PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PEJABAT TANAH KUALA TERENGGANU PEJABAT TANAH HULU TERENGGANU

## 1. PENGURUSAN PENGELUARAN BAHAN BATUAN DAN GALIAN

### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Industri perlombongan di Negeri Terengganu menunjukkan perkembangan positif dengan peningkatan jumlah lombong baru dan pengeluaran mineral. Sehingga bulan Disember 2014, terdapat 12 lombong bijih besi, 1 lombong emas dan 1 lombong bijih timah yang masih aktif beroperasi. Taburan lokasi lombong di Negeri Terengganu adalah seperti di **Peta 1.1**.

**Peta 1.1**  
**Taburan Lokasi Lombong Di Negeri Terengganu Sehingga Disember 2014**



Sumber: Jabatan Mineral Dan Geosains

1.1.2. Unit Galian, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu (PTG) adalah bertanggungjawab memproses permohonan dan pengeluaran lesen seperti lesen pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencari gali dan kebenaran perusahaan

kuari. Setiap permohonan yang diterima perlu mendapat pandangan dan ulasan terlebih dahulu daripada jabatan teknik seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perhutanan Negeri (Jabatan Perhutanan) dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan sebelum diangkat kepada Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri (JKSMN) dan seterusnya diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk keputusan muktamad. Peraturan yang diguna pakai berhubung pengurusan lesen dan kutipan royalti bahan mineral ialah Enakmen Mineral Terengganu (EMT) 2002 yang diwartakan pada 27 Februari 2003 serta Peraturan-peraturan Mineral Terengganu 2005 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005. JMG pula bertanggungjawab mengeluarkan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong yang dikuatkuasakan di bawah Seksyen 10, Akta Pembangunan Mineral 1994 yang perlu dipatuhi oleh pemajak/pengusaha lombong. JMG sebagai jabatan yang dilantik selaku Penguasa Lombong bertanggungjawab untuk melaksanakan kawal selia dan pemantauan ke atas operasi lombong.

**1.1.3.** Kadar royalti yang dikenakan ke atas setiap jenis bahan batuan adalah berdasarkan jenis milikan tanah iaitu dari mana bahan batuan tersebut dikeluarkan sama ada tanah Kerajaan atau tanah milik. Pengiraan kadar royalti bahan batuan adalah seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Tanah Terengganu (PTT) Pindaan 2002 bagi tanah Kerajaan dan tanah milik.

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran bahan batuan dan galian telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan yang ditetapkan.

## **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan dan aktiviti pengeluaran bahan batuan bagi tahun 2012 hingga 2014. Manakala skop pengauditan bagi pengurusan dan aktiviti pengeluaran mineral adalah bagi tahun 2012 hingga bulan Julai 2015. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Terengganu (PTG), Pejabat Tanah Hulu Terengganu (PTHT) dan Pejabat Tanah Kuala Terengganu (PTKT). Kaedah pengauditan ialah dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang berkaitan seperti borang permohonan, rekod hasil, fail pengusaha, buku docket serta Permit Pengalihan Bahan Batuan (Borang 4C). Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga telah dilaksanakan selain lawatan ke tapak pengeluaran bahan batuan dan mineral bagi mendapatkan gambaran sebenar aktiviti pengeluaran bahan batuan dan mineral serta pematuhan terhadap syarat yang ditetapkan. *Exit Conference* telah diadakan pada 27 September 2015 yang turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah PTG, Pengarah Unit Audit Dalam SUK serta wakil-wakil daripada PTKT, PTHT, JMG, JAS, JPS, Jabatan Perhutanan dan lain-lain jabatan yang turut dijemput.



## 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Julai 2015 mendapati secara keseluruhannya tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan pengeluaran bahan batuan di PTKT dan PTHT adalah memuaskan kecuali bagi 2 aspek iaitu pengurusan tunggakan hasil royalti bahan batuan dan pemantauan berdasarkan kepada penilaian yang dibuat berasaskan kepada peraturan yang ditetapkan. Manakala di peringkat PTG pula, prestasi kutipan hasil royalti adalah baik. Bagaimanapun, tempoh proses permohonan lesen melombong bahan mineral memakan masa yang lama serta aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan lemah dan kurang berkesan. Secara ringkasnya, antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kutipan hasil royalti di PTHT berkurangan serta tunggakan royalti mineral di PTG dan tunggakan royalti bahan batuan di PTKT meningkat. Hasil royalti bahan batuan terkurang pungut (pungutan mengikut kadar lama berbanding kadar baru).
- Proses pengeluaran lesen melombong mengambil masa yang lama.
- Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang diluluskan Pajakan Melombong tidak diwartakan keluar dari kawasan HSK.
- Aktiviti pemantauan kurang berkesan menyebabkan berlakunya pelanggaran kepada prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

### 1.4.1. Pengurusan Hasil Royalti

#### 1.4.1.1. Prestasi Kutipan Hasil Royalti Mineral Mencapai Sasaran

Hasil utama pengeluaran mineral Negeri Terengganu adalah terdiri daripada bijih besi, emas, bijih timah dan batu dimensi. Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Julai 2015, sebanyak 29 pelombong terlibat dalam pengeluaran mineral yang terdiri daripada 19 pelombong dengan lesen pajakan melombong dan 10 pelombong dengan lesen melombong tuan punya. Semakan Audit mendapati hasil royalti yang dikutip daripada aktiviti pengeluaran mineral bagi tahun 2012 hingga 2014 telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Secara keseluruhannya prestasi hasil bagi tempoh tersebut sangat baik di mana sejumlah RM5.54 juta (181.6%) berjaya dikutip berbanding sasaran berjumlah RM3.05 juta seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Prestasi Kutipan Berbanding Sasaran Bagi Kutipan**  
**Royalti Mineral Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Sasaran Hasil (RM Juta)	Hasil Yang Dikutip (RM Juta)	Pencapaian (%)
2012	0.65	1.34	206.2
2013	1.00	1.80	180.0
2014	1.40	2.40	171.4
<b>Jumlah</b>	<b>3.05</b>	<b>5.54</b>	<b>181.6</b>

Sumber: PTG Dan Buku Bajet Kerajaan Negeri

#### 1.4.1.2. Prestasi Kutipan Hasil Royalti Bahan Batuan Memuaskan

- a. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, sejumlah RM14.32 juta hasil royalti bahan batuan telah berjaya dikutip oleh semua pejabat tanah di Negeri Terengganu. Perincian kutipan hasil tersebut adalah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Kutipan Royalti Bahan Batuan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Pejabat Tanah	Tahun			Jumlah (RM)
		2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	
1.	Besut	286,798	208,486	153,994	649,278
2.	Dungun	708,406	711,350	1,044,905	2,464,661
3.	Hulu Terengganu	708,720	675,469	724,537	2,108,726
4.	Kemaman	946,736	912,286	1,047,198	2,906,220
5.	Kuala Terengganu	1,793,826	1,635,545	1,742,856	5,172,227
6.	Marang	595,221	536,362	505,793	1,637,376
7.	Setiu	245,555	101,728	77,291	424,574
<b>Jumlah</b>		<b>5,285,262</b>	<b>4,781,226</b>	<b>5,296,574</b>	<b>15,363,062</b>

Sumber: Pejabat-Pejabat Tanah Di Negeri Terengganu

- b. Semakan Audit mendapati kutipan hasil royalti bahan batuan di PTKT telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014. Bagaimanapun, PTHT tidak mencapai sasaran kutipan yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Hasil auditan terhadap prestasi kutipan royalti bahan batuan di PTKT dan PTHT adalah seperti di perenggan berikut:

##### i. Pejabat Tanah Kuala Terengganu

Hasil yang diterima daripada pengeluaran bahan batuan di PTKT adalah terdiri daripada bayaran royalti dan Lesen Menduduki Sementara (LMS) bagi yang terlibat dengan tanah Kerajaan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, peratus prestasi kutipan hasil royalti berbanding sasaran adalah antara 86.3% hingga 108.8%. Pada tahun 2014, jumlah royalti yang dikutip adalah RM1.74 juta atau 108.8% iaitu melebihi daripada sasaran yang ditetapkan iaitu RM1.60 juta. Manakala bagi tahun 2012 dan 2013, hasil royalti yang dikutip tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu masing-masing sejumlah RM1.79 juta (94.2%) dan RM1.64 juta (86.3%). Secara keseluruhannya prestasi kutipan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah sangat baik di mana sejumlah RM5.17 juta (95.7%) berjaya dikutip berbanding sasaran berjumlah RM5.40 juta seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Prestasi Kutipan Berbanding Sasaran Bagi Kutipan**  
**Hasil Bahan Batuan Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Sasaran Hasil (RM Juta)	Hasil Yang Dikutip (RM Juta)	Pencapaian (%)
2012	1.90	1.79	94.2
2013	1.90	1.64	86.3
2014	1.60	1.74	108.8
<b>Jumlah</b>	<b>5.40</b>	<b>5.17</b>	<b>95.7</b>

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu

**ii. Pejabat Tanah Hulu Terengganu**

- Hasil utama daripada aktiviti bahan batuan di PTHT adalah bayaran royalti pengalihan bahan batuan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, peratus prestasi kutipan hasil royalti bahan batuan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 47.2% hingga 59%. Hasil royalti yang dikutip pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing berjumlah RM0.71 juta dan RM0.68 juta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM1.44 juta. Manakala kutipan royalti pada tahun 2014 berjumlah RM0.72 juta juga tidak mencapai sasaran walaupun jumlah sasaran telah diturunkan kepada RM1.22 juta. Secara keseluruhannya, prestasi kutipan royalti bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah kurang memuaskan iaitu 51.5% atau RM2.11 juta berbanding sasaran yang berjumlah RM4.10 juta. Perincian prestasi kutipan royalti berbanding sasaran adalah seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**  
**Prestasi Kutipan Berbanding Sasaran Bagi Kutipan**  
**Hasil Bahan Batuan Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Sasaran Hasil (RM Juta)	Hasil Yang Dikutip (RM Juta)	Pencapaian (%)
2012	1.44	0.71	49.3
2013	1.44	0.68	47.2
2014	1.22	0.72	59.0
<b>Jumlah</b>	<b>4.10</b>	<b>2.11</b>	<b>51.5</b>

Sumber: Pejabat Tanah Hulu Terengganu

- Analisis Audit mendapati berlaku penurunan jumlah kutipan royalti pada tahun 2013 sejumlah RM0.03 juta (4.2%) berbanding kutipan royalti bagi tahun 2012. Bagaimanapun, kutipan royalti bagi tahun 2014 telah menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.04 juta (5.9%) iaitu kepada RM0.72 juta berbanding RM0.68 juta pada tahun 2013.
- Selain itu, semakan Audit terhadap hasil royalti pengalihan yang dikutip mengikut jenis bahan batuan di PTHT bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati royalti daripada batu kuari/granit merupakan hasil utama

dengan kutipan berjumlah RM0.86 juta diikuti oleh pasir berjumlah RM0.72 juta. Terdapat 4 kuari dan 28 perusahaan pasir sungai yang aktif beroperasi di daerah Hulu Terengganu. Butiran hasil mengikut jenis bahan batuan adalah seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
**Hasil Royalti Pengalihan Mengikut Jenis Bahan Batuan**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Jenis Bahan Batuan	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	
1.	Tanah Merah	0.03	0.18	0.28	0.49
2.	Pasir	0.30	0.22	0.20	0.72
3.	Batu Kuari/Granit	0.37	0.26	0.23	0.86
4.	Rumput	0.01	0.02	0.01	0.04
<b>Jumlah</b>		<b>0.71</b>	<b>0.68</b>	<b>0.72</b>	<b>2.11</b>

Sumber: Pejabat Tanah Hulu Terengganu

#### 1.4.1.3. Tunggakan Hasil Royalti Mineral Dan Bahan Batuan Meningkat

##### a. Tunggakan Hasil Royalti Mineral

- i. Mengikut Seksyen 95(1)(a) EMT 2002, pemegang suatu tenemen mineral hendaklah membayar royalti kepada Pihak Berkuasa Negeri ke atas apa-apa mineral yang didapati dan dijual atau diniatkan untuk dijual. Seksyen 95(3) EMT 2002 menetapkan kadar royalti adalah berasaskan kepada peratusan atas nilai pasaran mineral atau amaun yang kena dibayar berdasarkan isipadu atau berat galian. Bagaimanapun pada tahun 2013, Penguasa Lombong dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 146(a) EMT 2002, telah menetapkan nilai pasaran semasa bijih besi adalah mengikut gred Fe (*ex-mine*). Ia bertujuan untuk meningkatkan kutipan royalti Kerajaan Negeri dan mengurangkan kemungkinan berlakunya penipuan/manipulasi dari segi harga jualan.
- ii. Jumlah royalti yang sepatutnya dikutip bagi tahun 2013 telah meningkat sebanyak RM1.87 juta atau 130.2% berbanding tahun 2012. Bagaimanapun jumlah royalti telah menurun sebanyak RM0.36 juta atau 11% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Penurunan jumlah royalti pada tahun 2014 adalah kerana kejatuhan harga bijih besi yang ketara di pasaran dunia menyebabkan sebahagian besar pengusaha lombong bijih besi telah memberhentikan sementara operasi perlombongan.
- iii. Semakan Audit ke atas pembayaran royalti mendapati baki tunggakan bayaran royalti yang belum dikutip berjumlah RM2.54 juta merangkumi baki tunggakan dari tahun 2012 hingga 2014. Jumlah baki tunggakan bayaran royalti telah meningkat sebanyak 4,052.5% iaitu daripada RM24,532 pada tahun 2012 kepada RM1.02 juta pada tahun 2013. Jumlah tunggakan royalti juga semakin

meningkat pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 sebanyak 46.9% iaitu daripada RM1.02 juta pada tahun 2013 kepada RM1.50 juta pada tahun 2014 seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**  
**Tunggakan Royalti Mineral Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Royalti		
	Sepatutnya Dikutip (RM)	Bayaran Yang Diterima (RM)	Tunggakan (RM)
2012	1,435,181	1,410,649	24,532
2013	3,303,629	2,284,943	1,018,686
2014	2,941,396	1,444,946	1,496,450
<b>Jumlah</b>	<b>7,680,206</b>	<b>5,140,538</b>	<b>2,539,668</b>

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu

- iv. Seksyen 98(1) EMT 2002 menetapkan jika royalti yang kena dibayar adalah tertunggak, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menghantar notis tuntutan kepada pemegang lesen itu. Jika wang yang dituntut melalui notis itu masih tidak dibayar setelah tamat tempoh yang dinyatakan di dalam notis itu, mengikut perenggan 98(4)(b) dan (c) EMT 2002, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah melalui perintah mengisytiharkan dalam hal tanah pajakan melombong, tanah lombong itu telah terlucut hak kepada Pihak Berkuasa Negeri manakala bagi lesen melombong tuan punya, lesen itu terbatal. Semakan Audit mendapati pihak PTG telah menghantar surat peringatan kepada pemegang lesen dan pengusaha lombong supaya membayar tunggakan royalti. Bagaimanapun tiada tindakan diambil ke atas pemegang lesen yang masih gagal menjelaskan tunggakan royalti. Pengumuran tunggakan bayaran royalti bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.7**.

**Jadual 1.7**  
**Pengumuran Tunggakan Royalti Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun Royalti	Pengumuran (Bulan)					Jumlah Terkumpul (RM)
	1 – 6 (RM)	7 – 12 (RM)	13 – 18 (RM)	19 – 24 (RM)	25 – 30 (RM)	
2012	0	0	0	0	24,532	24,532
2013	0	77,356	741,291	200,039	0	1,018,686
2014	692,724	803,726	0	0	0	1,496,450
<b>Jumlah</b>	<b>692,724</b>	<b>881,082</b>	<b>741,291</b>	<b>200,039</b>	<b>24,532</b>	<b>2,539,668</b>

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu

- v. Analisis Audit mendapati tempoh tunggakan royalti adalah antara 1 hingga 27 bulan. Tunggakan royalti bagi tempoh 7 hingga 12 bulan yang melibatkan tahun 2013 dan 2014 adalah merupakan tunggakan royalti yang tertinggi iaitu sejumlah RM0.88 juta atau 34.7% daripada jumlah keseluruhan tunggakan royalti.
- vi. Menurut PTG, tunggakan royalti berlaku kerana pengusaha gagal membayar royalti yang ditetapkan oleh peraturan dan bukan disebabkan oleh kegagalan pegawai PTG mengutip hasil. Hasil royalti yang sepatutnya dibayar oleh

pengusaha lombong dibuat setelah mineral berkenaan dijual. Kelonggaran syarat membenarkan pengusaha membayar royalti setelah mineral dijual menyebabkan berlakunya tunggakan royalti. Pihak PTG perlu menilai semula peraturan mengenai pembayaran royalti iaitu dibayar terlebih dahulu sebelum mineral dikeluarkan dari lombong berasaskan kepada anggaran awal yang akan diselaraskan mengikut harga jualan mineral dan harga pasaran semasa. Kegagalan mengutip hasil menyebabkan pegawai boleh dikenakan surcaj mengikut Seksyen 18 Akta Acara Kewangan 1957.

- vii. **Maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015, menyatakan usaha-usaha sedang dijalankan dengan menghantar surat peringatan sebelum tindakan mengikut EMT 2002 diambil.**

**b. Tunggakan Hasil Royalti Pengalihan Bahan Batuan**

- i. Berdasarkan Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu Bilangan 1 Tahun 2003, pengalihan bahan batuan hanya dibenarkan setelah permit pengalihan (Borang 4C) dibayar.
- ii. Berdasarkan kepada laporan pengalihan bahan batuan secara pukal bagi tahun 2012 hingga 2014 menunjukkan terdapat tunggakan royalti sejumlah RM0.56 juta yang masih belum dijelaskan oleh kontraktor bagi 3 projek pembinaan. Pengiraan royalti bagi pengalihan pasir dan tanah merah untuk projek pembinaan ini adalah berasaskan kepada kuantiti bahan batuan yang dinyatakan dalam *Bills Of Quantities* (BQ). Semakan Audit di PTKT mendapati kontraktor telah diberi kebenaran untuk membuat pembayaran royalti secara berperingkat sehingga 5 kali bayaran. Tunggakan bayaran royalti pengalihan bahan batuan secara pukal di PTKT adalah seperti di **Jadual 1.8**.

**Jadual 1.8**  
**Tunggakan Royalti Pengalihan Bahan Batuan**  
**Secara Pukal Di PTKT Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Nama Projek	Jenis Bahan Batuan	Jumlah Patut Dibayar (RM)	Jumlah Telah Dibayar (RM)	Bayaran Tertunggak (RM)
<b>Tahun 2012</b>					
1.	Tapak Masjid Negeri Mukim Kubang Parit, K. Terengganu	Tanah Merah	202,811	96,506	106,305
<b>Tahun 2013</b>					
1.	Tapak Projek KTCC, Bandar Kuala Terengganu/ Pembinaan Jambatan Pulau Sekati	Pasir	48,000	10,800	37,200
2.	Tapak Projek Bagi Pejabat-Pejabat Kerajaan Daerah Kuala Nerus, Mukim Batu Rakit	Tanah Merah	522,000	104,400	417,600
<b>Jumlah</b>			<b>772,811</b>	<b>211,706</b>	<b>561,105</b>

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu

- iii. **Maklum balas PTKT bertarikh 7 Oktober 2015, menyatakan pihaknya telah menghantar surat peringatan kepada pengusaha yang terlibat untuk memaklumkan masalah tunggakan ini. Sehingga tarikh ini, baki tunggakan royalti pengalihan bahan batuan di PTKT adalah berjumlah RM165,800.**

#### 1.4.1.4. Kutipan Royalti Pengalihan Bahan Batuan Tidak Mengikut Kadar Yang Ditetapkan

- a. Pada 2 Januari 2003, Kerajaan Negeri melalui Warta Kerajaan Jilid 56 Bilangan 1 berkenaan Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (Pindaan) 2002 (PTT), telah menguatkuasakan pindaan kepada Peraturan 18 (Bayaran-bayaran Lesen Menduduki Sementara), Peraturan 19 dan Peraturan 20 (Bayaran-bayaran Pejabat) serta Peraturan 21 (Sijil Carian Rasmi) bagi Peraturan-peraturan Tanah Terengganu 1966 (Pindaan) 1987. Bagaimanapun pada 23 Mac 2005, Kerajaan Negeri melalui MMKN Bilangan 206 telah bersetuju untuk menangguhkan pemakaian Warta Kerajaan tersebut dan penangguhan tersebut hendaklah diwartakan. Dengan penangguhan ini, kadar bayaran yang ditetapkan dalam Peraturan 18 hingga 21 adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Tanah Terengganu 1966 (Pindaan) 1987 dan 1991. Perbandingan kadar royalti antara PTT (Pindaan) 2002 dan PTT 1966 (Pindaan) 1987 dan 1991 adalah seperti di **Jadual 1.9**.

**Jadual 1.9**  
**Perbezaan Kadar Royalti Bahan Batuan**

Bil.	Jenis Bahan Batuan	Tanah Kerajaan		Tanah Milik	
		PTT(Pindaan) 1987 Dan 1991 (per m <sup>3</sup> )	PTT(Pindaan) 2002 (per m <sup>3</sup> )	PTT(Pindaan) 1987 Dan 1991 (per m <sup>3</sup> )	PTT(Pindaan) 2002 (per m <sup>3</sup> )
1.	Tanah Merah	RM1.20	RM2.00	RM0.70	RM1.00
2.	Pasir	RM1.20	RM2.00	RM0.70	RM1.00
3.	Batu Kuari	RM1.80	RM3.00	RM1.30	RM1.50
4.	Premix	Tidak Dinyatakan	RM2.00	Tidak Dinyatakan	RM2.00
5.	Rumput	RM1.20	RM2.00	Tidak Dinyatakan	RM1.00

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu dan Pejabat Tanah Hulu Terengganu

- b. Sehingga ke tarikh pengauditan dijalankan, penangguhan Warta Kerajaan Jilid 56 Bilangan 1 bertarikh 2 Januari 2003 belum diwartakan. Dengan itu, pemakaian warta tersebut adalah sah dari segi undang-undang dan kadar bayaran royalti pengalihan bahan batuan hendaklah dikutip mengikut kadar yang ditetapkan seperti mana PTT (Pindaan) 2002. Semakan Audit mendapati kutipan royalti bahan batuan di PTKT dan PTHT tidak mengikut kadar yang ditetapkan dalam PTT (Pindaan) 2002 walaupun penangguhan tersebut belum diwartakan. Keadaan ini menyebabkan kekurangan kutipan hasil di PTKT dan PTHT masing-masing berjumlah RM1.79 juta dan RM1.10 juta seperti di **Jadual 1.10** dan **Jadual 1.11**.

**Jadual 1.10**  
**Perbezaan Kutipan Sebenar Royalti Bahan Batuan Berbanding Kutipan**  
**Mengikut Kadar Yang Ditetapkan DI PTKT Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Jenis Bahan Batuan	Tahun Kutipan	Kutipan Sebenar (RM)	Kutipan Mengikut PTT 2002 (RM)	Perbezaan Kutipan (RM)
1.	Pasir	2012	492,577	825,061	332,484
		2013	233,614	391,292	157,678
		2014	214,375	357,518	143,143
2.	Tanah Merah	2012	493,794	706,777	212,983
		2013	485,127	706,574	221,447
		2014	585,718	886,544	300,826
3.	Tanah Liat	2012	2,328	3,634	1,306
		2013	3,139	4,961	1,822
		2014	5,929	9,185	3,256
4.	Tanah	2012	16,403	23,673	7,270
		2013	11,030	15,850	4,820
		2014	3,853	5,558	1,705
5.	Batu Kuari	2012	679,747	793,246	113,499
		2013	689,476	799,222	109,746
		2014	719,695	827,117	107,422
6.	Bata Tanah Liat/ Bata Simen	2012	57,470	65,047	7,577
		2013	36,539	41,276	4,737
		2014	28,264	32,298	4,034
7.	Rumput	2012	250	357	107
		2013	0	0	0
		2014	0	0	0
8.	Premix	2012	19,601	30,156	10,551
		2013	42,779	65,820	23,041
		2014	32,788	50,444	17,656
<b>Jumlah</b>			<b>4,854,496</b>	<b>6,641,610</b>	<b>1,787,110</b>

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu

**Jadual 1.11**  
**Perbezaan Kutipan Sebenar Royalti Bahan Batuan Berbanding Kutipan**  
**Mengikut Kadar Yang Ditetapkan Di PTHT Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Jenis Bahan Batuan	Tahun Kutipan	Kutipan Sebenar (RM)	Kutipan Mengikut PTT 2002 (RM)	Perbezaan Kutipan (RM)
1.	Tanah Merah	2012	30,355	43,553	13,198
		2013	140,861	199,374	58,513
		2014	281,639	405,727	124,088
2.	Pasir	2012	295,683	493,325	197,642
		2013	220,140	366,900	146,760
		2014	199,590	334,200	134,610
3.	Batu Kuari	2012	273,405	415,042	141,638
		2013	245,617	370,258	124,640
		2014	219,555	307,684	88,129
4.	Rumput	2012	14,976	21,685	6,709
		2013	16,560	25,971	9,411
		2014	15,261	21,800	6,539
5.	Premix	2012	6,458	16,820	10,362
		2013	11,001	33,847	22,846
		2014	8,645	26,588	17,943
<b>Jumlah</b>			<b>1,979,746</b>	<b>3,082,774</b>	<b>1,103,028</b>

Sumber: Pejabat Tanah Hulu Terengganu



- c. Semakan Audit juga mendapati PTKT dan PTHT telah mengutip royalti bagi pengalihan premix pada kadar separuh daripada kadar royalti yang dikenakan ke atas pengalihan batu kuari dari tanah Kerajaan dan tanah milik. Kadar yang dikutip oleh PTKT dan PTHT adalah RM0.90 bagi tanah Kerajaan dan RM0.65 bagi tanah milik berbanding RM2.00 bagi setiap meter padu yang ditetapkan dalam PTT (Pindaan) 2002. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, jumlah royalti yang telah dikutip adalah berjumlah RM6.83 juta berbanding jumlah yang sepatutnya dikutip iaitu RM9.72 juta. Ini menyebabkan berlaku kurangan kutipan kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM2.89 juta.
- d. **Maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015, menyatakan pihaknya mengakui hal ini tidak diwartakan disebabkan pertukaran pegawai yang dipertanggungjawabkan. Bagaimanapun, pewartaan penangguhan ini akan dibuat secepat mungkin. Bengkel Semakan Semula Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (Pindaan) 2002 termasuk pindaan cukai hasil telah diadakan pada 14 hingga 15 September 2015.**

#### **1.4.1.5. Bayaran Lesen Menduduki Sementara Tidak Mengikut Kadar Yang Ditetapkan**

- a. Peraturan 20 PTT (Pindaan) 2002 menetapkan setiap permohonan baru dan pembaharuan LMS hendaklah dikenakan bayaran berjumlah RM10. Semakan Audit mendapati PTKT dan PTHT hanya mengenakan bayaran perkhidmatan bagi permohonan baru dan pembaharuan LMS dengan kadar RM5 bagi setiap permohonan yang diluluskan iaitu berdasarkan PTT (Pindaan) 1987.
- b. Bagi tahun 2012 hingga 2014, jumlah permohonan baru dan pembaharuan LMS yang diterima oleh PTKT dan PTHT masing-masing sebanyak 28 dan 47 permohonan. Sebanyak 11 permohonan di PTKT dan 33 permohonan di PTHT telah diluluskan. Bagaimanapun, PTKT hanya mengutip sejumlah RM55 bagi bayaran perkhidmatan LMS untuk permohonan yang diluluskan sahaja berbanding RM280 jumlah sepatutnya dikutip bagi kesemua permohonan baru dan pembaharuan yang dikemukakan. Jumlah hasil yang tidak dikutip adalah RM225. Manakala PTHT hanya mengutip sejumlah RM165 bagi permohonan yang diluluskan berbanding RM470 jumlah sepatutnya dikutip bagi kesemua permohonan baru dan pembaharuan yang dikemukakan. Jumlah hasil yang tidak dikutip adalah RM305. Ini menyebabkan kekurangan hasil kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM530 bagi tahun 2012 hingga 2014 kerana permohonan yang gagal tidak dikenakan apa-apa bayaran dan kadar yang dikutip bagi permohonan yang diluluskan adalah tidak mengikut kadar sebenar yang ditetapkan.
- c. Selain itu, Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu Bilangan 2 Tahun 2009 menetapkan bayaran tahunan LMS untuk perusahaan pasir telah dinaikkan daripada RM500 per hektar kepada RM1,000 per hektar atau sebahagiannya setahun berkuat

kuasa mulai 9 Jun 2009. Semakan Audit mendapati bayaran LMS yang dikenakan kepada 16 pengusaha pasir masing-masing 3 di PTKT dan 13 di PTHT adalah tidak mengikut kadar yang ditetapkan. Jumlah hasil yang terkurang kutip bagi tempoh 2012 hingga 2014 di PTKT dan PTHT masing-masing berjumlah RM6,000 dan RM18,000 seperti di **Jadual 1.12** dan **Jadual 1.13**.

**Jadual 1.12**  
**Kadar Lesen LMS Tidak Mengikut Kadar Yang Ditetapkan**

Bil.	Nama Pengusaha	Maklumat Tanah		Bayaran LMS Tahunan (RM)		Amaun Terkurang Kutip (RM)
		Kegunaan	Keluasan (Hektar)	Patut Kutip	Dikutip	
1.	Syarikat A1	Tapak Simpanan Pasir	0.758	1,000	500	500
2.	Syarikat B1	Tapak Sedut Pasir	0.8145	1,000	500	500
		Tapak Simpanan Pasir	0.186	1,000	500	500
3.	Individu	Tapak Sedut Pasir	0.27	1,000	500	500
<b>Jumlah</b>				<b>4,000</b>	<b>2,000</b>	<b>*2,000</b>

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu

Nota: Nama sebenar syarikat dan individu tidak didedahkan

\* Jumlah terkurang kutip setahun

**Jadual 1.13**  
**Bayaran LMS Terkurang Kutip Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Tahun	Nama Pengusaha	Maklumat Tanah		Amaun Terkurang Kutip (RM)
			Kegunaan	Keluasan (Hektar)	
1.	2012	Syarikat A2	Tapak Sedut Pasir	1.3492	1,000
		Syarikat B2	Tapak Sedut Pasir	1.6392	1,000
		Syarikat C2	Tapak Sedut Pasir	2.2629	2,000
2.	2013	Syarikat D2	Tapak Sedut Pasir	1.3492	1,000
		Syarikat E2	Tapak Sedut Pasir	1.2222	1,000
		Syarikat F2	Tapak Sedut Pasir	1.6392	1,000
		Syarikat G2	Tapak Sedut Pasir	2.2629	2,000
		Syarikat H2	Tapak Sedut Pasir	3.6569	3,000
		Syarikat I2	Tapak Sedut Pasir	1.6821	1,000
3.	2014	Syarikat J2	Tapak Sedut Pasir	1.3492	1,000
		Syarikat K2	Tapak Sedut Pasir	1.2222	1,000
		Syarikat L2	Tapak Sedut Pasir	1.6821	1,000
		Syarikat M2	Tapak Sedut Pasir	1.0505	1,000
			Stockpile Pasir	1.1149	1,000
<b>Jumlah</b>					<b>18,000</b>

Sumber: Pejabat Tanah Hulu Terengganu

Nota: Nama sebenar syarikat tidak didedahkan

- d. **Menurut maklum balas yang diterima daripada PTKT bertarikh 7 Oktober 2015 dan PTHT bertarikh 23 September 2015, perkara ini berlaku kerana kaedah pengiraan yang digunakan dengan mengambil kira keluasan tapak yang diluluskan telah dibundarkan kepada luas perhektar yang terendah.**

#### **1.4.1.6. Bayaran Permohonan Permit Pengalihan Bahan Batuan Tidak Dikutip**

Peraturan 20 dalam PTT (Pindaan) 2002 menetapkan setiap permohonan untuk pengalihan bahan batuan dikenakan bayaran berjumlah RM20. Semakan Audit mendapati tiada bayaran dikutip oleh PTKT dan PTHT bagi setiap permohonan pengalihan bahan batuan (Permit Pengalihan/Borang 4C). Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 11,429 permohonan permit pengalihan bahan batuan telah diterima masing-masing 8,209 di PTKT dan 3,220 di PTHT. Pengiraan Audit mendapati bayaran yang sepatutnya dikutip oleh PTKT dan PTHT bagi permohonan tersebut masing-masing berjumlah RM164,180 dan RM64,400. Ini menyebabkan kekurangan hasil kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM228,580 bagi tahun 2012 hingga 2014.

#### **1.4.1.7. Kenderaan Digunakan Untuk Pengalihan Bahan Batuan Tidak Didaftarkan**

Peraturan 20 dalam PTT (Pindaan) 2002 menetapkan setiap kenderaan yang digunakan untuk pengalihan bahan batuan hendaklah didaftarkan dan dikenakan bayaran berjumlah RM20 setahun bagi setiap kenderaan. Semakan Audit mendapati kenderaan yang terlibat dengan pengalihan bahan batuan di Daerah Kuala Terengganu dan Daerah Hulu Terengganu tidak didaftarkan serta tiada sebarang kutipan hasil dibuat bagi tujuan tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah kehilangan hasil yang terlibat kerana tiada daftar diselenggarakan bagi memantau bilangan sebenar kenderaan yang digunakan untuk pengalihan bahan batuan.

#### **1.4.1.8. Pengenaan Royalti Berganda Bagi Pengalihan Bata Tanah Liat Dan Bata Simen Di Daerah Kuala Terengganu**

PTT (Pindaan) 2002 menetapkan kadar royalti untuk bata adalah RM1.50 bagi tanah milik dan RM3.00 bagi tanah Kerajaan bagi tiap-tiap 1,000 keping bata simen atau bata tanah merah. Pihak Audit dimaklumkan bahawa bahan asas yang digunakan bagi membuat bata simen adalah terdiri daripada pasir dan simen manakala bagi bata tanah merah adalah tanah liat dan tanah merah. Semakan serta temu bual Audit dengan pengusaha mendapati pasir, tanah liat dan tanah merah serta *quarry dust* yang digunakan bagi membuat bata tersebut telah dikenakan bayaran royalti. Bayaran royalti telah dikenakan sekali lagi ke atas pengeluaran bata yang telah siap diproses yang menyebabkan berlaku bayaran royalti berganda kepada pengusaha. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati produk seperti longkang simen, tiang simen dan sebagainya yang dihasilkan dengan menggunakan bahan asas yang sama seperti bata simen tidak dikenakan royalti.

**Pada pendapat Audit, prestasi kutipan keseluruhan hasil royalti mineral di PTG dan bahan batuan di PTKT adalah baik kerana menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun serta mencapai sasaran yang ditetapkan. Manakala prestasi kutipan hasil royalti bahan batuan di PTHT adalah kurang memuaskan di mana kutipan hasil royalti tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, tahap kecekapan pengurusan hasil adalah kurang memuaskan di mana tunggakan hasil royalti mineral dan bahan**

batuan meningkat, kutipan royalti bahan batuan dan bayaran LMS tidak mengikut kadar yang ditetapkan, serta bayaran permohonan permit pengalihan bahan batuan tidak dikutip.

#### 1.4.2. Prestasi Proses Permohonan Lesen Melombong Mineral Dan Lesen Perusahaan Kuari

1.4.2.1. PTG bertanggungjawab untuk memproses permohonan tenemen mineral selaras dengan EMT 2002 dan Peraturan-Peraturan Mineral Terengganu (PMT) 2005. Berdasarkan rekod daftar permohonan tenemen mineral di PTG bagi tempoh 2012 hingga April 2015 mendapati sebanyak 199 permohonan tenemen mineral telah diterima bagi permohonan lesen pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen cari gali dan lesen perusahaan kuari. Bilangan permohonan adalah semakin menurun daripada 98 permohonan pada tahun 2012 kepada 54 permohonan pada tahun 2013 dan 47 permohonan pada tahun 2014. Kedudukan permohonan lesen perlombongan mineral bagi tahun 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 1.14**.

**Jadual 1.14**  
**Permohonan Lesen Perlombongan Mineral Dan Perusahaan Kuari**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Jenis Lesen	Tahun			Jumlah
		2012	2013	2014	
1.	Lesen Pajakan Melombong	52	26	32	110
2.	Lesen Melombong Tuan Punya	13	22	7	42
3.	Lesen Mencari Gali	20	1	2	23
4.	Lesen Perusahaan Kuari	13	5	6	24
<b>Jumlah</b>		<b>98</b>	<b>54</b>	<b>47</b>	<b>199</b>

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu

1.4.2.2. Analisis Audit terhadap 199 permohonan yang diterima dari tahun 2012 hingga 2014 mendapati, sebanyak 58 (29.1%) tenemen mineral telah diluluskan manakala 120 (60.3%) permohonan telah ditolak dan 2 (1.0%) permohonan dibatalkan. Manakala 16 permohonan masih menunggu untuk dibawa ke peringkat mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral. Status permohonan lesen perlombongan mineral bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.15**.

**Jadual 1.15**  
**Status Permohonan Lesen Perlombongan Mineral**  
**Dan Perusahaan Kuari Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Jumlah Permohonan	Bil. Permohonan Selesai			Bilangan Permohonan Sedang Diproses
		Lulus	Tolak	Batal	
2012	98	24	69	1	4
2013	54	19	31	1	3
2014	47	15	20	0	12
<b>Jumlah</b>	<b>199</b>	<b>58</b>	<b>120</b>	<b>2</b>	<b>19</b>

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu

### 1.4.2.3. Proses Permohonan Lesen Perlombongan Mineral Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

- a. Pengusaha atau pemajak lombong yang memohon sesuatu tenemen mineral perlu mengemukakan permohonan kepada PTG dengan disertakan dokumen berkaitan serta bayaran fi permohonan seperti yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Mineral (Terengganu) 2005. Piagam pelanggan PTG menetapkan permohonan tenemen mineral hendaklah diselesaikan dalam tempoh 8 bulan.
- b. Semakan Audit terhadap 199 fail mendapati 178 permohonan telah selesai diproses sehingga ke peringkat keputusan MMKN. Daripada 178 permohonan tersebut, sebanyak 58 permohonan telah diluluskan manakala 120 permohonan pula telah ditolak. Antara sebab penolakan adalah permohonan bertindih bagi kawasan yang sama dan tiada sokongan daripada jabatan teknik. Sebanyak 114 (64.0%) daripada 178 permohonan tersebut telah selesai diproses dalam tempoh 1 hingga 8 bulan manakala 37 (20.8%) permohonan pula telah mengambil masa melebihi 8 bulan untuk diselesaikan. Bagaimanapun, tempoh pemprosesan bagi 27 (15.2%) permohonan tidak dapat ditentukan kerana tarikh bayaran fi permohonan tidak dapat disahkan. Prestasi tempoh pemprosesan permohonan lesen perlombongan mineral adalah seperti di **Jadual 1.16**.

**Jadual 1.16**  
**Tempoh Proses Permohonan Lesen Perlombongan Mineral Dan**  
**Perusahaan Kuari Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Bilangan Permohonan	Tempoh Pemprosesan (Bulan)		
		1 – 8 (Bil.)	9 – 12 (Bil.)	Melebihi 12 (Bil.)
2012	82	69	7	6
2013	41	22	11	8
2014	28	23	5	0
<b>Jumlah</b>	<b>151</b>	<b>114</b>	<b>23</b>	<b>14</b>

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu

- c. Proses permohonan yang mengambil tempoh yang lama menyebabkan hasil royalti mineral lewat diperolehi oleh Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan proses kelulusan permohonan ialah kelewatan jabatan teknik memberi ulasan dan pandangan serta mesyuarat jawatankuasa tidak kerap diadakan.
- d. **Berdasarkan maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015, kelewatan memproses permohonan berlaku kerana kesukaran menetapkan tarikh untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar. PTG juga telah menetapkan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral diadakan 2 kali setahun bermula pada tahun 2014.**

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan permohonan lesen perlombongan mineral adalah kurang memuaskan di mana hanya 75.5% daripada 151 permohonan berjaya diproses dalam tempoh yang ditetapkan dan berlaku kelewatan melebihi 8 bulan.

#### 1.4.3. Kelulusan Melombong Di Kawasan Hutan Simpan Kekal

**1.4.3.1.** Mengikut Seksyen 12 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984, hutan simpan hendaklah dipelihara bagi memastikan kelestarian alam sekitar. Sebarang pembebasan kawasan hutan simpan perlu diganti dan diwartakan. Apa-apa aktiviti yang menjejaskan hutan simpan adalah dilarang. Selain itu, di bawah Aktiviti 11(a), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar) 1987 dan tertakluk kepada Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) hendaklah dikemukakan bagi aktiviti perlombongan dengan keluasan melebihi 250 hektar.

**1.4.3.2.** Pengauditan yang dijalankan mendapati tanah seluas 2,553.2 hektar (6,309.08 ekar) di kawasan Bukit Betung, Bukit Batu Tiga, Bukit Puteri dan Bukit Besi, Mukim Jerangau, Daerah Dungun yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Besul Tambahan telah diluluskan untuk pajakan melombong bijih besi kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu pada tahun 2012 seperti di **Gambar 1.1**. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati permohonan ini tidak disertakan dengan kajian prakebolehlaksanaan seperti yang ditetapkan oleh Seksyen 63(2) EMT 2002 dan Laporan EIA masih belum dikemukakan.



**Gambar 1.1**  
**Kawasan Hutan Simpan Kekal Yang Diluluskan Pajakan Melombong**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Simpan Kekal Besul Tambahan,  
Mukim Jerangau, Dungun  
Tarikh: 12 Mei 2015

**1.4.3.3.** Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah mengeluarkan lesen pengeluaran kayu balak bagi kawasan tersebut yang terletak dalam 6 kompartmen dengan keluasan 2,077.54 hektar bagi tempoh 16 Mac 2014 hingga 15 Mac 2015. Manakala proses tender dan penganugerahan kerja pembalakan kepada syarikat yang berjaya dilaksanakan oleh pemegang konsesi bagi HSK berkenaan. Semakan dan lawatan Audit mendapati kerja-kerja pembalakan yang dijalankan oleh 6 syarikat yang dilantik telah selesai dijalankan seperti di **Jadual 1.17**.

**Jadual 1.17**  
**Kutipan Royalti Dan SES Pembangunan Hutan Bagi Tahun 2014 dan 2015**

Bil.	No. Lesen	Keluasan (Hektar)	Kuantiti (Meter Padu)	Kutipan	
				Royalti (RM)	SES Pembangunan Hutan (RM)
1.	L3005/2014	496.81	45,470.91	515,848	454,709
2.	L3006/2014	310.00	24,042.91	253,691	240,429
3.	L3007/2014	188.10	13,666.23	208,482	136,662
4.	L3009/2014	399.63	23,187.52	264,709	231,875
5.	L3010/2014	476.00	44,129.64	568,906	441,296
6.	L3011/2014	207.00	18,182.95	199,657	181,840
<b>Jumlah</b>		<b>2,077.54</b>	<b>168,680.16</b>	<b>2,011,293</b>	<b>1,686,811</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

Nota: Bil. - Merujuk Kepada Nombor Kompartmen Yang Dianugerahkan

**1.4.3.4.** Seksyen 13 Akta Perhutanan Negara 1984 menetapkan, sebarang pembebasan kawasan hutan simpan perlu diwartakan. Semakan Audit mendapati pewartaan keluar HSK berkenaan masih belum dibuat walaupun proses pengeluaran kayu balak telah selesai dijalankan. Jabatan Perhutanan telah memberi kebenaran kepada 2 syarikat untuk memasuki HSK Besul Tambahan bagi menjalankan kerja-kerja eksplorasi masing-masing pada 23 Januari 2013 dan 2 November 2014. Bagaimanapun setelah kerja-kerja eksplorasi dijalankan, syarikat tersebut tidak berminat untuk meneruskan aktiviti perlombongan disebabkan penurunan harga bijih besi di pasaran dunia.

**1.4.3.5. Maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015, menyatakan Pengarah Jabatan Perhutanan telah mencadangkan agar kawasan berkenaan tidak diwartakan keluar dari kawasan HSK walaupun keputusan MMKN bertarikh 25 Julai 2012 meluluskan tanah ini untuk dikeluarkan daripada kawasan Hutan Simpan Besul.**

**1.4.3.6. Berdasarkan maklum balas Jabatan Perhutanan bertarikh 7 September 2015:**

- Peranan Jabatan Perhutanan adalah memberikan khidmat nasihat kepada Kerajaan Negeri berkaitan isu hutan.
- Prosedur pengeluaran Sijil Pembebasan Hutan adalah merujuk kepada Seksyen 5 Kaedah-kaedah Hutan 1986 iaitu Pengarah Hutan boleh mengeluarkan perakuan pembersihan hutan kepada agensi atau orang yang relevan jika beliau berpuas hati bahawa kawasan yang sedang dipertimbangkan itu tidak mengandungi apa-apa kayu lagi yang boleh diusahahasil secara berekonomi dan kerja pembersihan itu hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah Jabatan Perhutanan. Memandangkan kawasan kelulusan melombong ini adalah luas dan hasil kayu perlu dikeluarkan terlebih dahulu, Jabatan Perhutanan telah mengenakan syarat supaya hanya pokok-pokok bersaiz 30sm

ke atas sahaja ditebang dan pengeluaran hasil kayu adalah berdasarkan kepada sistem kompartmen sedia ada.

- Pihak Jabatan Perhutanan melalui surat Bil. (99) dlm PHNT.(SULIT)94/Bhg.6 bertarikh 24 Mac 2015 telah membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 1321/2012 bertarikh 16 Mei 2012 berkaitan pewartaan keluar kawasan yang terlibat dengan Hutan Simpanan Kekal untuk kelulusan pajakan melombong bijih besi seluas 2,553.2 hektar tersebut.

**1.4.3.7. Maklum balas JAS bertarikh 19 Oktober 2015**, menyatakan pihaknya tidak menyokong sebarang permohonan perlombongan di kawasan Hutan Simpan Kekal yang dikeluarkan oleh PTG. Aktiviti perlombongan tanpa sebarang langkah kawalan di kawasan Hutan Simpan Kekal boleh menyebabkan berlakunya gangguan terhadap spesies flora dan fauna yang bernilai dan mencemarkan air sungai yang berhampiran. JAS juga masih belum menerima Laporan EIA bagi perlombongan tersebut.

Pada pendapat Audit, sebarang pembebasan HSK hendaklah diwarta dan digantikan bagi memastikan kelestarian alam sekitar.

#### **1.4.4. Aktiviti Pemantauan Kurang Berkesan**

##### **1.4.4.1. Pelanggaran Syarat Aktiviti Perlombongan Bauksit**

PTG adalah bertanggungjawab menjalankan tugas pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti perlombongan di seluruh Negeri Terengganu berdasarkan EMT 2002 bagi memastikan semua syarat dan prosedur mengenai operasi perlombongan dipatuhi. Semakan Audit mendapati jadual perancangan penguatkuasaan dan pemantauan serta laporan pemantauan tidak disediakan dan tiada bukti mesyuarat pemantauan diadakan. Aktiviti penguatkuasaan serta pemantauan yang kurang berkesan telah menyebabkan berlakunya pelanggaran dan ketidakpatuhan syarat-syarat perlombongan yang telah ditetapkan seperti di perenggan-perenggan berikut:

##### **a. Kebenaran Melombong Bauksit Tidak Diperoleh**

- i. Pada 1 Julai 2015, Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah seluas 14.164 hektar untuk lesen melombong tuan punya bagi perlombongan bauksit di Mukim Hulu Jabor, Daerah Kemaman kepada sebuah syarikat. Seksyen 82(1)(a) EMT 2002 menetapkan pemegang lesen melombong tuan punya tidak dibenarkan memulakan sebarang kerja berkaitan pembangunan lombong sehingga mendapat kelulusan Laporan Kajian Kesesuaian (*Feasibility Study*) daripada JMG. Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) akan dikeluarkan oleh JMG kepada pemegang lesen. Semakan Audit mendapati



pemegang lesen belum mendapat SKSPM seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 10 Akta Pembangunan Mineral 1994. Bagaimanapun, lawatan Audit bersama PTG dan JMG pada 1 Julai 2015 ke lokasi tersebut mendapati aktiviti penggalian dan pengeluaran bauksit sedang dijalankan seperti di **Gambar 1.2** dan **Gambar 1.3**.

**Gambar 1.2**  
Aktiviti Melombong Bauksit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Hulu Jabor, Kemaman  
Tarikh: 1 Julai 2015

**Gambar 1.3**  
Penggalian Tanah Untuk Mendapatkan Bauksit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Hulu Jabor, Kemaman  
Tarikh: 1 Julai 2015

- ii. **Maklum balas JMG bertarikh 7 September 2015, menjelaskan SKSPM tidak dapat dikeluarkan kerana pemohon tidak pernah mengemukakan permohonan SKSPM kepada JMG. Maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015, memaklumkan kelulusan melombong bauksit yang terdahulu ditangguhkan sementara sehingga keputusan sebenar dari MMKN diperolehi.**

#### b. Pelanggaran Syarat Kerja-Kerja Eksplorasi

- i. Berdasarkan EMT 2002, kerja-kerja eksplorasi adalah untuk penjelajahan dan tidak boleh berlaku pengeluaran mineral dari tapak yang diluluskan. Semakan Audit mendapati sebanyak 10 syarikat telah diberi kelulusan untuk menjalankan kerja-kerja eksplorasi bauksit melibatkan kawasan seluas 89.6738 hektar seperti di **Jadual 1.18**.

**Jadual 1.18**  
Syarikat Yang Telah Diluluskan Untuk Aktiviti Eksplorasi Bauksit

Bil.	Pemohon	Lokasi Kawasan	Keluasan	Tarikh Permohonan	Kebenaran	
					Tarikh Mula	Tarikh Tamat/Tempoh
1.	Syarikat A3	Mukim Hulu Jabor, Kemaman	20 Hektar	08.07.2015	09.07.2015	1 Bulan
2.	Syarikat B3	Estet Jabor	-	10.06.2015	16.06.2015	2 Minggu
3.	Syarikat C3	Mukim Hulu Jabor, Kemaman	9 Hektar	23.06.2015	24.06.2015	3 Minggu

Bil.	Pemohon	Lokasi Kawasan	Keluasan	Tarikh Permohonan	Kebenaran	
					Tarikh Mula	Tarikh Tamat/Tempoh
4.	Syarikat D3	Mukim Hulu Jabor, Kemaman	6.429 Hektar	23.06.2015	24.06.2015	3 Minggu
5.	Syarikat E3	Mukim Hulu Jabor, Kemaman	4.13 Hektar	23.06.2015	24.06.2015	3 Minggu
6.	Syarikat F3	Mukim Hulu Jabor, Kemaman	8 Hektar	28.06.2015	01.07.2015	31.07.2015
7.	Syarikat G3	Mukim Hulu Jabor, Kemaman	7.5 Hektar	29.06.2015	01.07.2015	31.07.2015
8.	Syarikat H3	Kampung Perasing Mukim Hulu Jabor, Kemaman	20 Hektar	06.07.2015	08.07.2015	3 Minggu
9.	Syarikat I3	Mukim Hulu Jabor, Kemaman	7.5 Hektar	06.07.2015	08.07.2015	30.08.2015
10.	Syarikat J3	Mukim Hulu Jabor, Kemaman	7.1148 Hektar	05.07.2015	08.07.2015	3 Minggu

Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu

Nota: Nama sebenar syarikat yang memohon tidak didedahkan

- ii. Lawatan Audit bersama JMG dan PTG pada 1 Julai 2015 ke salah satu kawasan eksplorasi iaitu di Kampung Perasing, Mukim Hulu Jabor, Kemaman mendapati terdapat kesan penggalian dan pengeluaran bauksit telah berlaku seperti di **Gambar 1.4** dan **Gambar 1.5**. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati permohonan aktiviti eksplorasi bagi tapak tersebut hanya dikemukakan kepada PTG pada 6 Julai 2015 dan diluluskan pada 8 Julai 2015.

**Gambar 1.4**  
Aktiviti Penggalian Bauksit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Perasing, Mukim Hulu Jabor  
Tarikh: 1 Julai 2015

**Gambar 1.5**  
Kesan Pengeluaran Bauksit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Perasing, Mukim Hulu Jabor  
Tarikh: 1 Julai 2015

- iii. **Maklum balas PTG bertariikh 14 September 2015, menjelaskan kelulusan untuk tujuan eksplorasi diberikan dalam bentuk bertempoh selama 2 minggu bermula 8 Julai 2015 bagi tujuan mengenal pasti bahan mineral dan menentukan kebolehlaksanaan sebelum permohonan rasmi pajakan melombong dipohon. Selain itu, PTG juga akan melakukan pemantauan ke tapak eksplorasi sekiranya perlu.**

### c. Kesan Pencemaran Daripada Aktiviti Bauksit Kepada Alam Sekitar

- i. Aktiviti pengeksportan bauksit di kawasan perindustrian Teluk Kalong, Kemaman telah menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar seperti jalan berdebu, pencemaran udara seperti habuk dan debu serta kerosakan jalan seperti di **Gambar 1.6** hingga **Gambar 1.9**. Pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu antara agensi yang terlibat seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), PTG dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) perlu dilaksanakan bagi memastikan pencemaran alam sekitar daripada aktiviti pengeluaran dan pengalihan bauksit terkawal. Antara kawasan yang dikenal pasti adalah seperti di laluan Felda Neram, laluan Kemaman ke Bukit Goh Kuantan, jalan lama Kampung Jabor dan kawasan perindustrian Teluk Kalong, Kemaman.

**Gambar 1.6**

**Jalan Kotor Dan Berdebu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

**Gambar 1.7**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

**Gambar 1.8**  
**Habuk Dan Debu Bauksit**  
**Menjejaskan Operasi Klinik Kesihatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Hulu Jabor, Kemaman  
Tarikh: 1 Julai 2015

**Gambar 1.9**  
**Jalan Kotor Dan Berdebu**





Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Hulu Jabor, Kemaman  
Tarikh: 1 Julai 2015


- ii. **Maklum balas JAS bertarikh 6 September 2015**, menyatakan pencemaran habuk atau debu yang dihasilkan daripada aktiviti pengangkutan bauksit tidak tertakluk di bawah bidang kuasa JAS. Agensi yang mengeluarkan permit perlombongan dan pengangkutan bauksit seharusnya bertanggungjawab bagi memastikan pengusaha bauksit mematuhi peraturan dan undang-undang. **Maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015**, pula menjelaskan pihak JPJ dan SPAD akan memastikan lori-lori yang membawa muatan bauksit ini tidak mengangkut muatan berlebihan dan mengikut spesifikasi keselamatan yang ditetapkan.

**d. Tiada Polisi Khas Mengenai Elemen Nadir Bumi Dalam Bauksit**

- i. Semakan Audit mendapati pihak JMG ada membuat analisis kandungan nadir bumi terhadap tanah yang mengandungi bauksit. Berdasarkan rekod di JMG, sebanyak 17 sampel tanah (termasuk sampel ASM 4 dan ASM 7, Mukim Hulu Jabor) di Negeri Terengganu telah dianalisis bagi mengenal pasti kandungan elemen nadir bumi yang wujud. Sampel tersebut telah dihantar ke Makmal CSIRO di Australia melalui Bahagian Perkhidmatan Teknikal JMG Malaysia di Ipoh untuk dianalisis kandungannya. Berdasarkan keputusan analisis makmal CSIRO yang diperolehi daripada JMG mendapati sampel tanah tersebut mengandungi 15 elemen nadir bumi antaranya *Cerium*, *Lanthanum* dan *Neodymium*. Pihak Audit telah membuat carian melalui Google dan Wikipedia mengenai ciri-ciri serta kegunaan bagi 3 daripada 15 elemen nadir bumi tersebut seperti di **Jadual 1.19**.

**Jadual 1.19**  
**Kandungan Nadir Bumi Pada Tanah Mengandungi Bauksit**

Elemen	mg/kg		Ciri-Ciri
	ASM 4	ASM 7	
Ce [Cerium] 	340	20	<ul style="list-style-type: none"> <li>Logam mulur lembut keperakan yang mudah dioksidakan ke udara.</li> <li>Kegunaan <i>cerium</i>:               <ol style="list-style-type: none"> <li>Pemangkin untuk bahan bakar bagi mengurangkan pelepasan semasa pembakaran.</li> <li>Pemangkin untuk menukar warna kaca dan enamel.</li> <li><i>Cerium</i> oksida adalah komponen penting dalam serbuk kaca penggilap dan fosfor yang digunakan dalam pembuatan skrin dan lampu pendarfluor.</li> <li>Juga digunakan dalam “batu api” bagi pemetik api.</li> </ol> </li> <li>Takat Cair: 795°C (1,463°F)</li> <li>Takat Didih: 3,443°C (6,229°F)</li> </ul>
La [Lanthanum] 	93	10	<ul style="list-style-type: none"> <li>Logam mulur lembut dengan warna perak keputihan.</li> <li>Sebatian <i>lanthanum</i> mempunyai pelbagai aplikasi sebagai pemangkin, bahan tambahan dalam kaca, lampu karbon untuk pencahayaan di studio dan projektor, elemen pencucuhan dalam pemetik api dan lampu suluh/obor, katod elektron dan lain-lain.</li> <li>Takat cair: 920°C (1,688°F)</li> <li>Takat didih: 3,464°C (6,267°F)</li> </ul>

Elemen	mg/kg		Ciri-Ciri
	ASM 4	ASM 7	
Nd [Neodymium] 	72	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Logam lembut yang boleh mencemarkan udara.</li> <li>Tersebar secara meluas dalam kerak bumi.</li> <li>Kebanyakan <i>neodymium</i> dunia dilombong di China.</li> <li>Sebatian <i>neodymium</i> digunakan secara komersial buat pertama kalinya sebagai pewarna kaca pada tahun 1927.</li> <li>Beberapa kaca yang telah didopkan dengan <i>neodymium</i> juga digunakan dalam laser yang memancarkan inframerah dengan panjang gelombang antara 1,047 hingga 1,062 nanometer.</li> <li>Takat cair: 1,024°C (1,875°F)</li> <li>Takat didih: 3,074°C (5,565°F)</li> </ul>

Sumber: Jabatan Geosains Dan Mineral Terengganu, Wikipedia Dan Google

ii. Berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan dalam jadual di atas, elemen nadir bumi boleh dimanfaatkan untuk kegunaan dalam pelbagai bidang industri seperti industri moden, industri kepenggunaan elektronik, industri teknologi hijau dan industri peralatan pertahanan. Kerajaan Negeri perlu menilai semula polisi berkenaan perlombongan bauksit supaya mineral yang bermutu tinggi ini dikenakan kadar bayaran royalti yang sewajarnya memandangkan bahan mineral ini sangat bernilai.

iii. **Maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015, menyatakan pihaknya tidak mempunyai kepakaran dalam perkara ini.**

#### e. Pengeksportan Bauksit Tanpa Lesen Pengeksport

i. Lawatan Audit bersama JMG pada 14 April 2015 ke sekitar Pelabuhan Kemaman mendapati aktiviti-aktiviti mengangkut bauksit dari Kuantan sedang rancak dijalankan di tapak *stockpile* yang berada di kawasan perindustrian Teluk Kalong seperti di **Peta 1.2** dan **Peta 1.3** serta **Gambar 1.10** hingga **Gambar 1.13**. Maklumat mengenai pengeksportan bauksit melalui Pelabuhan Kemaman adalah seperti di **Jadual 1.20**.

**Peta 1.2**  
**Lokasi Stockpile Bauksit Pertama Di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

**Peta 1.3**  
**Lokasi Stockpile Bauksit Kedua Di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

**Gambar 1.10**  
**Kawasan Stockpile**  
**Bauksit Pertama**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

**Gambar 1.11**  
**Kawasan Stockpile Disewa**  
**Milik Kemaman Supply Base**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

**Gambar 1.12**  
**Kawasan Stockpile Bauksit Kedua**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

**Gambar 1.13**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

**Jadual 1.20**  
**Pengeksportan Bauksit Melalui Pelabuhan Kemaman**

Bil.	Syarikat Pengesport	Tarikh Eksport	Negara Pengimport	Kelulusan Mengeksport	Kuantiti (Mt)
1.	Syarikat A4	24.04.2015	China	EM/03191/1114	55,000
2.	Syarikat B4	25.05.2015	China	EM/00853/0315	56,203
<b>Jumlah</b>					<b>111,203</b>

Sumber: Konsortium Pelabuhan Kemaman  
Nota: 1. Nama sebenar syarikat tidak didedahkan  
2. Mt. – tan metrik

- ii. **Maklum balas PTG bertariikh 14 September 2015, menjelaskan tiada aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan dilaksanakan di kawasan tersebut. Bagaimanapun, PTG telah melaksanakan pemantauan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan bersama SPAD pada 17 Februari 2015 di kawasan Jabor, Perasing dan Neram di Daerah Kemaman. Pihak PTG telah menerima satu permohonan untuk menjadi pengeksport bauksit di Terengganu dari**

sebuah syarikat tetapi tiada apa-apa ulasan atau sokongan diberikan sehingga kini.

#### 1.4.4.2. Royalti Bagi Pasir Yang Digunakan Untuk Penghasilan Produk Di Tapak Perusahaan Pasir Tidak Dibayar

- a. Setiap pengeluaran bahan batuan akan dikenakan bayaran royalti mengikut kadar yang ditetapkan untuk setiap jenis bahan batuan seperti yang dinyatakan dalam PTT (Pindaan) 2002. Lawatan Audit ke tapak perusahaan pasir di Daerah Hulu Terengganu pada 28 April 2015 mendapati wujud aktiviti penghasilan produk selain pengeluaran pasir di tapak yang diluluskan seperti di **Gambar 1.14** hingga **Gambar 1.17**. Antara produk yang dihasilkan adalah tiang simen dan pembentung yang menggunakan pasir sebagai salah satu bahan dalam penghasilan tersebut.

**Gambar 1.14**  
Kawasan Penghasilan Produk Di Tapak Perusahaan Pasir Yang Diluluskan




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Berang, Hulu Terengganu  
Tarikh: 28 April 2015

**Gambar 1.15**  
Produk Yang Dihasilkan Di Tapak Perusahaan Pasir Yang Diluluskan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Berang, Hulu Terengganu  
Tarikh: 28 April 2015

**Gambar 1.16**  
Produk Yang Dihasilkan Di Tapak Perusahaan Pasir Yang Diluluskan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Berang, Hulu Terengganu  
Tarikh: 28 April 2015

**Gambar 1.17**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Berang, Hulu Terengganu  
Tarikh: 28 April 2015

- b. Temu bual pihak Audit dengan pengusaha pasir tersebut mendapati pasir yang digunakan dalam proses penghasilan produk itu tidak diisytiharkan. Tiada doket dikeluarkan dan ini menunjukkan pembayaran royalti tidak dikenakan bagi pengalihan pasir tersebut. Seterusnya, pengalihan produk daripada kawasan pengeluaran adalah dalam bentuk barangan siap yang tidak dikenakan bayaran royalti. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan isipadu sebenar pasir yang telah digunakan untuk penghasilan produk ini kerana tiada rekod mengenainya diselenggarakan oleh pengusaha tersebut.
- c. Hal ini berlaku kerana tiada pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan oleh pegawai PTHT yang terlibat untuk memastikan syarat bagi aktiviti pengalihan bahan batuan dipatuhi sepenuhnya dan tiada pelanggaran syarat berlaku. Temu bual pihak Audit dengan pegawai penguatkuasa PTHT mendapati aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ada dilaksanakan secara mengejut atau *ad hoc*. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan hal ini kerana tiada laporan pemantauan dan penguatkuasaan disediakan bagi tujuan tersebut. Pelanggaran syarat bagi aktiviti pengalihan bahan batuan ini telah menyebabkan berlaku kekurangan kutipan royalti dan mengurangkan hasil kepada Kerajaan Negeri.
- d. **Maklum balas PTHT bertarikh 23 September 2015, menjelaskan tindakan yang akan diambil ialah dengan membuat pemantauan dan penguatkuasaan memastikan syarat bagi aktiviti pengalihan bahan batuan dipatuhi sepenuhnya. Perkara ini berlaku kerana pengusaha produk siap berasaskan pasir dan pengusaha pasir adalah pengusaha yang sama. Produk tersebut juga dibuat di tapak perusahaan pasir yang telah diluluskan. Bagaimanapun, PTHT telah menguatkuasakan kutipan royalti bagi penggunaan pasir ke tapak mengusahakan produk siap berasaskan pasir.**


#### 1.4.4.3. Jalan Rosak Dan Putus Akibat Aktiviti Perlombongan

- a. Merujuk kepada Para 22 hingga 26, Syarat-syarat Pajak Melombong Mengikut EMT 2002, pengusaha hendaklah menyediakan sistem saluran yang sempurna dalam kawasan operasi serta bertanggungjawab untuk memperbaiki sebarang kerosakan sungai atau tebing sungai akibat aktiviti perlombongan dan pemegang pajak bertanggungjawab memelihara kualiti alam sekitar serta tidak menjejaskan kawasan penempatan berdekatan.
- b. Lawatan Audit bersama JMG pada 14 April 2015 ke kawasan perlombongan bijih besi di Kampung Macang Setahun mendapati berlaku kejadian tanah runtuh dan jalan terputus di Seksyen 9 FT237 Jalan Chukai - Air Putih terletak bersebelahan kawasan lombong seperti di **Peta 1.4** serta **Gambar 1.18** dan **Gambar 1.19**. Kejadian tersebut berlaku pada 19 Disember 2014 seperti mana yang dilaporkan dalam media. Kejadian ini terjadi akibat aliran kuat air banjir yang terperangkap dan memenuhi kolam takungan lombong bijih besi tersebut telah menyebabkan berlaku tekanan



tinggi yang seterusnya telah menghakis tebing tanah sebelum jalan selebar 7 meter itu terputus. Semakan Audit mendapati, permohonan lesen melombong ini tidak mendapat sokongan daripada JAS kerana zon penampungan kurang daripada jarak yang ditetapkan iaitu 500 meter dan terdapat penempatan dalam lingkungan 400 meter dari sempadan perlombongan.

**Gambar 1.18**  
**Hakisan Jalan Akibat**  
**Kolam Takungan Lombong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Kg. Macang Setahun, Kemaman  
 Tarikh: 14 April 2015

**Gambar 1.19**  
**Kawasan Penempatan Terjejas**  
**Akibat Aktiviti Perlombongan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Kg. Macang Setahun, Kemaman  
 Tarikh: 14 April 2015

- c. Sebagai langkah penyelesaian sementara, Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu (JKR) telah memasang jambatan *bailey* bagi membolehkan laluan tersebut dihubungkan semula seperti di **Gambar 1.20** dan **Gambar 1.21**. Kerajaan Negeri juga telah membina jalan baru sebagai laluan alternatif seperti di **Peta 1.4** melalui pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM7 juta.

**Gambar 1.20**  
**Jalan Rosak Akibat Aktiviti Perlombongan**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Kg. Macang Setahun, Kemaman  
 Tarikh: 14 April 2015

**Gambar 1.21**  
**Jalan Rosak Akibat Aktiviti Perlombongan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Kg. Macang Setahun, Kemaman  
 Tarikh: 14 April 2015



**Peta 1.4**  
**Jalan Rosak Akibat Aktiviti Perlombongan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Macang Setahun, Kemaman  
Tarikh: 14 April 2015

- d. **Maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015**, menyatakan pihaknya tidak mengenakan denda kepada pengusaha lombong yang terlibat kerana tiada pelanggaran syarat dilakukan. Mesyuarat Penyelaras Pembaikan Semula Jambatan Runtuh yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR Negeri bersetuju agar pengusaha lombong menambak semula runtuhannya tanah yang berhampiran kawasan melombong tersebut.
- e. **Maklum balas JMG bertarikh 7 September 2015**, menjelaskan satu Perintah JMG Bilangan 1/2015 bertarikh 29 April 2015 telah dikeluarkan kepada pelombong melarang sama sekali kerja-kerja perlombongan di kawasan kolam dan hanya dibenarkan untuk pembuangan bahan hampas sahaja. Perintah tersebut berkuat kuasa dalam tempoh 6 bulan sementara menunggu keputusan muktamad daripada Pihak Berkuasa Negeri tentang penyelesaiannya. Satu mesyuarat antara JMG, JKR dan pihak pelombong telah diadakan pada 25 Ogos 2015 di JMG bagi membincangkan cara penyelesaian kolam tersebut. Menerusi mesyuarat tersebut, pihak pelombong bersetuju membaiki bahu jalan dan membina pagar/pengadang di tepi kolam. Selain itu, pihak pelombong juga bersetuju untuk menimbus lubang dan membaiki saluran sungai akibat hakisan selain menimbus kolam secara berperingkat apabila kerja-kerja perlombongan dilakukan. Mesyuarat juga bersetuju agar kerja-kerja tersebut dimulakan pada awal bulan September dengan pemantauan dilakukan oleh pihak JKR.

Pada pendapat Audit, tahap kecekapan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan adalah kurang memuaskan kerana tidak dijalankan secara berkala dan berterusan menyebabkan berlakunya pelanggaran syarat perlombongan.

#### 1.4.5. Penetapan Muatan Lori Bagi Tujuan Pengiraan Royalti Pengalihan Bahan Batuan Tidak Mengikut Kapasiti Sebenar

1.4.5.1. Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu Bilangan 1 Tahun 2003 menetapkan setiap kenderaan yang membawa keluar bahan batuan hendaklah dibekalkan helaian doket yang baru bagi setiap perjalanan. Setiap keping doket dihadkan muatan 4.5 meter padu dan kadar penggunaan doket adalah sehelai bagi lori bertayar 6 dan 2 helai bagi lori bertayar 10. Setiap keping doket dihadkan muatan 4.5 meter padu bagi lori manakala doket berasingan dengan had 2.5 meter padu digunakan untuk van.

Kadar had muatan ini digunakan oleh Pejabat Tanah bagi menentukan jumlah royalti yang perlu dibayar sebelum permit pengalihan bahan batuan (Borang 4C) dikeluarkan.

**1.4.5.2.** Pihak Audit telah melakukan pengukuran isipadu ke atas kenderaan yang digunakan untuk tujuan pengalihan bahan batuan bagi menentukan muatan sebenar kenderaan tersebut. Hasil pengukuran tersebut mendapati perbezaan isipadu muatan sebenar bagi setiap jenis kenderaan berbanding isipadu muatan yang ditetapkan seperti di **Jadual 1.21**.

**Jadual 1.21**  
**Perbezaan Isipadu Muatan Yang Ditetapkan**  
**Dan Isipadu Muatan Sebenar Kenderaan Yang Digunakan**

Bil.	Jenis Kenderaan	Isipadu Ditetapkan (Meter Padu)	Pengiraan Audit (Meter Padu)	Perbezaan Muatan (Meter Padu)	
1.	Van 4 Tayar 	2.5	2.6	0.1	
2.	Van 6 Tayar 	2.5	5.6	3.1	
3.	Lori 6 Tayar 	4.5	5.3	0.8	
			4.5	6.9	2.4
			4.5	8.8	4.3
4.	Lori 10 Tayar 	9.0	12.6	3.6	
5.	Lori 12 Tayar 	Tidak Ditetapkan	16.1	16.1	

Sumber: Pejabat Tanah Kuala Terengganu dan Jabatan Audit Negara

**1.4.5.3.** Berdasarkan jadual di atas, pihak Audit mendapati doket dengan had isipadu muatan 2.5 meter padu digunakan untuk 2 jenis kenderaan yang berbeza saiz dan isipadu muatan sebenar iaitu 2.6 meter padu dan 5.6 meter padu. Hal ini menunjukkan bahawa pembayaran royalti bagi setiap pengalihan bahan batuan dengan 2 jenis kenderaan

tersebut telah terkurang bayar antara 0.1 meter padu dan 3.1 meter padu. Selain itu, doket dengan had isipadu muatan 4.5 meter padu telah digunakan untuk 3 jenis lori 6 tayar dengan saiz dan isipadu muatan sebenar yang berbeza iaitu 5.3 meter padu, 6.9 meter padu dan 8.8 meter padu. Ini bermakna berlaku kekurangan bayaran royalti untuk setiap pengalihan bahan batuan menggunakan 3 jenis lori tersebut antara 0.8 meter padu hingga 4.3 meter padu. Penetapan had muatan bagi setiap keping doket ini menyebabkan royalti bagi pengalihan bahan batuan telah terkurang kutip dan mengurangkan hasil kepada Kerajaan Negeri.

**1.4.5.4.** Lawatan Audit ke tapak perusahaan pasir sungai di Hulu Terengganu mendapati sebuah lori bertayar 12 telah digunakan untuk mengangkut pasir dan pengusaha hanya membekalkan 2 keping doket dengan isipadu berjumlah 9 meter padu. Pengukuran telah dilakukan ke atas lori tersebut dan mendapati isipadu sebenar muatan lori berkenaan adalah 16.1 meter padu. Ini bermakna pembayaran royalti bagi setiap perjalanan pengalihan pasir menggunakan lori tersebut telah terkurang bayar sejumlah 7.1 meter padu bersamaan RM8.52.

**1.4.5.5.** **Maklum balas PTG bertarikh 14 September 2015, menyatakan pihaknya akan membuat penyelarasan bersama JPJ dan SPAD berkaitan kadar muatan berdasarkan isipadu untuk disesuaikan dengan Berat Dengan Muatan (BDM).**

**Pada pendapat Audit, PTG hendaklah mengkaji semula had muatan lori pengangkut bahan batuan dan isipadu doket yang ditetapkan mengikut isipadu sebenar lori yang digunakan supaya kadar royalti yang berpatutan dikenakan.**

#### **1.4.6. Deposit Pengalihan Bahan Batuan Tidak Dikutip**

**1.4.6.1.** Seksyen 74 KTN menetapkan sejumlah deposit perlu dikutip daripada pengusaha bahan batuan bagi tujuan sekuriti bagi pelaksanaan dan pematuhan syarat permit dan membaik pulih kawasan yang terlibat dengan pengeluaran dan pengalihan bahan batuan. Arahan Perbendaharaan 162 pula menggariskan deposit yang tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh deposit tersebut jika tidak diperlukan hendaklah diwartakan. Bagaimanapun, jika deposit itu masih tidak dituntut dalam tempoh 3 bulan selepas diwartakan, ia hendaklah dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

**1.4.6.2.** Semakan Audit mendapati PTHT tidak mengutip bayaran deposit daripada pengusaha yang menjalankan aktiviti pengalihan tanah merah. Pengusaha hanya dikenakan bayaran royalti sebelum permit pengalihan (Borang 4C) dikeluarkan. Selain itu, sebanyak 76 daripada 173 pendeposit di PTKT telah disahkan tidak lagi beroperasi Manakala deposit bagi 5 daripada 63 pengusaha di PTHT telah tidak diperlukan melebihi 12 bulan dan masih tidak dikembalikan. Semakan Audit mendapati PTKT dan PTHT tidak mengambil tindakan sewajarnya untuk mengembalikan deposit kepada pengusaha berkenaan sebelum mengambil tindakan pewartaan.

**1.4.6.3. Maklum balas PTHT bertarikh 23 September 2015, menjelaskan pihaknya ada mengutip deposit daripada pengusaha tanah merah bagi projek-projek berskala besar.**

Pada pendapat Audit, tahap kecekapan pengurusan deposit pengalihan bahan batuan di PTKT dan PTHT adalah kurang memuaskan di mana deposit tidak dikutip daripada pengusaha dan tindakan pewartaan terhadap deposit yang telah selesai tidak diambil.

## **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan pengeluaran bahan batuan dan galian dapat dilaksanakan dengan berkesan serta meningkatkan hasil kepada Kerajaan, pihak Audit mengesyorkan supaya Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu (PTG), Pejabat Tanah Kuala Terengganu (PTKT) dan Pejabat Tanah Hulu Terengganu (PTHT) mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

**1.5.1.** PTG hendaklah memastikan proses permohonan lesen melombong dapat diselesaikan dalam tempoh 8 bulan seperti yang ditetapkan dalam piagam pelanggan.

**1.5.2.** PTG mengkaji semula polisi dan peraturan berkenaan perlombongan bahan mineral bauksit (yang mengandungi elemen nadir bumi) dan isipadu muatan lori yang digunakan untuk pengalihan bahan batuan. Kajian semula juga perlu dibuat terhadap peraturan berkaitan bayaran royalti bagi mengelak/mengurangkan tunggakan hasil dengan memastikan royalti dibayar terlebih dahulu sebelum mineral dijual.

**1.5.3.** PTG, PTKT dan PTHT hendaklah memastikan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti pengalihan bahan batuan dan galian dilaksanakan secara berkala dari semasa ke semasa bagi mengelak berlakunya ketidakpatuhan terhadap syarat yang ditetapkan.

**2. PENGURUSAN PEROLEHAN**

**2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah ditubuhkan pada 1 April 1965 di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Terengganu (Bil.3/1965). Tujuan utama penubuhan adalah untuk menjadi agensi utama Negeri bagi melaksana dan mempercepatkan pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi Negeri Terengganu. Dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam tahun 1971, PMINT turut mendukung matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Begitu juga apabila Dasar Pembangunan Nasional 1991 - 2000 (DPN) yang bermula pada tahun 1991, PMINT juga turut melibatkan diri secara aktif dalam menjayakan dasar tersebut. PMINT telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang meliputi spektrum yang sangat luas meliputi hampir kesemua sektor ekonomi antaranya pembangunan hartanah, perladangan, agrobiotek, akuakultur, pembuatan dan perkhidmatan. Secara keseluruhannya, aktiviti PMINT dijalankan melalui 2 cara iaitu secara langsung dan melalui anak syarikat.

**2.1.2.** Pengurusan perolehan PMINT dibuat berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekelling Perbendaharaan serta arahan-arahan lain berkaitan perolehan yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, PMINT telah memperoleh sijil MS:ISO 9001:2008 - Sistem Pengurusan Kualiti Perolehan bagi memastikan proses dan tatacara perolehan PMINT diurus dan dilaksanakan dengan telus, teratur dan mematuhi peraturan kewangan PMINT dan Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati bagi tempoh 2012 hingga Mei 2015, jumlah perolehan yang dilakukan oleh PMINT bagi 4 jenis perolehan adalah RM515.28 juta dengan anggaran transaksi perolehan sebanyak 8,936 seperti di **Jadual 2.1**. Daripada 8,936 transaksi tersebut, dianggarkan 7,608 transaksi adalah bagi pembelian terus berjumlah RM34.68 juta, 844 transaksi sebut harga berjumlah RM41.96 juta, 477 transaksi tender berjumlah RM347.13 juta dan 7 transaksi rundingan terus berjumlah RM91.51 juta.

**Jadual 2.1**  
**Bilangan Anggaran Transaksi Dan Amaun Mengikut Jenis Perolehan**  
**Bagi Tempoh 2012 Hingga Mei 2015**

Tahun/ Jenis Perolehan	Anggaran Transaksi Dan Amaun									
	2012		2013		2014		2015 (Jan – Mei)		Jumlah	
	Bil.	Amaun (RM Juta)	Bil.	Amaun (RM Juta)	Bil.	Amaun (RM Juta)	Bil.	Amaun (RM Juta)	Bil.	Amaun (RM Juta)
Pembelian Terus	2,287	12.55	2,232	10.66	2,009	5.76	1,080	5.71	7,608	34.68
Sebut Harga	174	18.21	81	8.16	555	11.83	34	3.76	844	41.96
Tender	112	85.75	114	94.99	169	121.06	82	45.33	477	347.13
Rundingan Terus	0	0	0	0	1	89.97	6	1.54	7	91.51
<b>Jumlah</b>	<b>2,573</b>	<b>116.51</b>	<b>2,427</b>	<b>113.81</b>	<b>2,734</b>	<b>228.62</b>	<b>1,202</b>	<b>56.34</b>	<b>8,936</b>	<b>515.28</b>

Sumber: Buku Tunai PMINT Tahun 2012 Hingga 2015

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan oleh PMINT telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, teratur dari segi peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

**2.3.1.** Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan oleh PMINT bagi tahun 2012 hingga April 2015. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod/dokumen dan analisis data berkaitan perolehan. Ini meliputi pengurusan perolehan yang dibiayai daripada peruntukan PMINT dan Kerajaan Negeri di mana PMINT sebagai agensi pelaksana. Selain itu, lawatan tapak dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga dijalankan semasa pengauditan. Pemilihan sampel pengauditan adalah seperti berikut:

- Tender/Rundingan Terus – 100% sampel
- Sebut Harga – 40% sampel
- Pembelian Terus – 10% atau sekurang-kurangnya 200 sampel (mana yang lebih rendah)

**2.3.2.** *Exit Conference* telah diadakan pada 15 September 2015 di mana telah dihadiri oleh Timbalan Pengurus Besar, Pengurus Kanan Perumahan, Pengurus Kanan Korporat, Pengurus Kanan Pengurusan Harta Dan Penyenggaraan Harta, Pengurus Kanan Teknikal, Pengurus-pengurus Bahagian, Pengarah Audit Dalam SUK dan Penolong Kanan Setiausaha Integriti, Prestasi Dan Kaunseling SUK.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2015 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan PMINT adalah baik di mana peraturan dan prosedur berkaitan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus telah dipatuhi. Antaranya Jawatankuasa Tender telah ditubuhkan, kajian pasaran telah dijalankan dan perancangan perolehan telah dibuat pada setiap tahun. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan perolehan secara rundingan terus seperti tiada rundingan harga dibuat, tiada pelantikan jawatankuasa rundingan harga dan tiada bukti mesyuarat jawatankuasa rundingan harga diadakan. Selain itu terdapat beberapa kelemahan dalam tatacara perolehan dan pelaksanaan projek seperti di bawah:

- Ketidakpatuhan terhadap tatacara perolehan antaranya:
  - Kelewatan kelulusan lanjutan masa
  - Dokumen kontrak lewat ditandatangani
  - Tiada kebenaran Jabatan Teknik dan tiada kelulusan Pihak Berkuasa Melulus bagi perolehan perkhidmatan perunding

- Projek belum mendapat manfaat/hasil
- Projek lewat disiapkan dari tempoh yang ditetapkan

#### 2.4.1. Perolehan Secara Pembelian Terus

Sebanyak 393 sampel baucar berjumlah RM3.50 juta bagi tahun 2012 hingga April 2015 telah diaudit dan mendapati 390 sampel mematuhi tatacara perolehan seperti had perolehan secara perolehan terus dipatuhi (kecuali bagi 3 perolehan pada tahun 2012), pesanan kerajaan dikeluarkan sebelum perolehan, bayaran dibuat berdasarkan pesanan kerajaan dan penerimaan dan kesempurnaan bekalan/perkhidmatan telah disemak. Pematuhan terhadap peraturan berkaitan perolehan secara pembelian terus seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berkaitan**  
**Tatacara Perolehan Secara Pembelian Terus**

Bil.	Tahun	Tahap Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan						
		a	b	c	d	e	f	g
1.	2012	√	3	√	√	√	√	√
2.	2013	√	√	√	√	√	√	√
3.	2014	√	√	√	√	√	√	√
4.	April 2015	√	√	√	√	√	√	√

Sumber: PMINT

Nota: √ - Mematuhi

Angka – Bilangan Baucar Bayaran Yang Tidak Mematuhi

- a. Menentukan bekalan/perkhidmatan yang dikehendaki
- b. Perolehan bekalan/perkhidmatan melebihi RM10 ribu hingga RM50 ribu (syarikat bertaraf Bumiputera)
- c. Perolehan yang bernilai kurang RM10 ribu diberikan pada syarikat yang berkelayakan
- d. Mengeluarkan pesanan kerajaan kepada syarikat yang dipilih.
- e. Menyemak penerimaan dan kesempurnaan bekalan/perkhidmatan
- f. Pembatalan pesanan kerajaan dibuat sekiranya bekalan/perkhidmatan tidak diterima
- g. Bayaran dibuat berdasarkan pesanan kerajaan

**Pada pendapat Audit, tahap pematuhan pengurusan perolehan secara pembelian terus adalah baik dengan 89% perolehan yang dibuat telah mematuhi tatacara perolehan yang telah ditetapkan.**

#### 2.4.2. Perolehan Secara Sebut Harga

Sebanyak 357 sampel baucar berjumlah RM24.67 juta bagi tahun 2012 hingga April 2015 telah disemak dan mendapati secara keseluruhannya tatacara perolehan secara sebut harga telah dipatuhi antaranya had perolehan secara sebut harga dipatuhi, pelawaan kepada pembekal bertaraf bumiputera dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan serta Jawatankuasa Sebut Harga telah ditubuhkan. Pematuhan kepada peraturan berkaitan perolehan secara sebut harga adalah seperti di **Jadual 2.3**.



**Jadual 2.3**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berkaitan**  
**Tatacara Perolehan Secara Sebut Harga**

Bil.	Tahun	Tahap Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan												
		a	b	c	d						e			
					i	ii	iii	iv	v	vi	i	ii	iii	
1.	2012	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
2.	2013	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
3.	2014	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
4.	April 2015	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√

Sumber: PMINT

Nota: √ - Mematuhi

- a. Perolehan bekalan/perkhidmatan sebut harga melebihi RM50 ribu – RM100 ribu (5 pembekal bertaraf Bumiputera dan berdaftar dengan Kem. Kewangan)
- b. Melebihi RM100 ribu - RM200 ribu (5 pembekal bertaraf Bumiputera/bukan Bumiputera dan berdaftar dengan Kem. Kewangan)
- c. Perolehan Kerja-kerja kecil yang tidak mengubah struktur asal
- d. Pelawaan sebut harga
  - i. Borang sebut harga
  - ii. Kelayakan menyertai sebut harga
  - iii. Notis dokumen sebut harga
  - iv. Perlantikan jawatankuasa pembuka sebut harga
  - v. Tiada sebut harga lewat diterima
  - vi. Penilaian sebut harga dibuat
- e. Jawatankuasa Sebut Harga
  - i. Keahlian jawatankuasa sebut harga
  - ii. Pertimbangan sebut harga dibuat
  - iii. Keputusan jawatankuasa sebut harga

**Pada pendapat Audit, tahap pematuhan pengurusan perolehan secara sebut harga adalah sangat baik di mana 100% perolehan yang disemak telah dibuat mengikut tatacara perolehan yang telah ditetapkan.**

### **2.4.3. Perolehan Secara Rundingan Terus**

**2.4.3.1.** PK7.13 dan PK7.14 dalam 1Pekliling Perbendaharaan (1PP) telah menetapkan Garis Panduan Rundingan Harga bagi rundingan terus. Permohonan pengecualian perolehan tender dan sebut harga hendaklah mematuhi Garis Panduan Rundingan Harga bagi rundingan terus dengan penubuhan jawatankuasa rundingan harga yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal atau Pegawai yang diturunkan kuasa dan penyediaan minit mesyuarat.

**2.4.3.2.** Semakan Audit mendapati 5 daripada 7 perolehan bagi tahun 2014 dan 2015 yang dibuat secara rundingan terus tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam pekliling di atas iaitu tidak mengadakan rundingan harga, tiada pelantikan jawatankuasa rundingan harga dan tiada bukti mesyuarat rundingan harga diadakan. Daripada 5 perolehan tersebut, 2 perolehan merupakan bekalan perkhidmatan dan 3 perolehan lagi adalah perolehan kerja. Perolehan bagi bekalan perkhidmatan tersebut diberikan kepada anak syarikat dan koperasi PMINT. Manakala satu perolehan kerja diberikan kepada koperasi PMINT dan yang selebihnya kepada syarikat lain.

**2.4.3.3. Menurut maklum balas PMINT bertarikh 15 September 2015, PMINT akan lebih berhati-hati dalam pematuhan tatacara perolehan terutama perolehan secara rundingan terus bagi memantapkan lagi pengurusan perolehan dan kewangan PMINT dengan mengikuti segala prosedur yang ditetapkan dan segala dokumen berkaitan akan disimpan dengan teratur.**

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan pengurusan perolehan secara rundingan terus adalah kurang memuaskan di mana 5 (71%) daripada 7 perolehan tidak mematuhi prosedur perolehan yang ditetapkan.

#### 2.4.4. Perolehan Secara Tender

**2.4.4.1.** PMINT telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pembangunan projek menerusi 3 kategori iaitu perindustrian, perkedaian dan komersial serta projek perumahan. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga Mei 2015, sebanyak 477 transaksi pembayaran berjumlah RM347.13 juta merupakan pembayaran interim bagi 36 projek untuk tahun 2009 hingga 2015. Kesemua projek ini merupakan pembinaan perkedaian komersial dan perumahan untuk dijual atau disewakan oleh PMINT. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, sebanyak 32 (89%) daripada 36 projek tersebut telah disiapkan dan 4 (11%) projek masih dalam pembinaan. Semakan Audit menunjukkan pematuhan kepada peraturan berkaitan perolehan secara tender adalah baik seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Tatacara Perolehan Secara Tender**

Bil.	Tahun	Jumlah Projek	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m
1.	2011 dan sebelum	27	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	1	3
2.	2012	3	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	1
3.	2013	2	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
4.	2014	4	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√

Sumber: PMINT

Nota: √ - Mematuhi

Angka – Bilangan Projek Yang Tidak Mematuhi Peraturan

- a. Tender bagi nilai perolehan melebihi RM500 ribu setahun dipelawa secara tender terbuka
- b. Kontraktor berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor Kerja (PKK) dalam kelas dan gred yang ditetapkan mengikut tender
- c. Semua pelawaan tender tempatan diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama Bahasa Melayu. Kandungan iklan tender jelas, kemas, ringkas dan tidak mendatangkan apa-apa keraguan atau pembaziran
- d. Tarikh tender ditutup sekurang-kurangnya 21 hari dari tarikh tender dokumen tender mula dijual. Peti sebut harga dikunci dengan dua kunci berasingan
- e. Semua tender yang diterima dimasukkan dalam peti tender
- f. Jabatan/Agensi menyediakan anggaran harga bagi setiap tender dan memasukkannya sebelum tarikh tutup tender
- g. Senarai harga dibandingkan dan dibuat analisis harga yang terbaik
- h. Jawatankuasa memilih harga yang sesuai dengan kualiti dan tempoh penghantaran
- i. Asas pertimbangan, perbandingan harga dan laporan kemampuan penender adalah baik
- j. Tandatangan daripada setiap ahli Lembaga Tender/ Jawatankuasa tender diperolehi setelah keputusan tender dibuat
- k. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya seberapa segera dan harga kontrak yang dipersetujui bersamaan dengan harga yang diluluskan oleh Lembaga Tender/ Jawatankuasa Perolehan
- l. Kontrak ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh SST
- m. Syarat Am/ klausa kontrak dipatuhi; Perlanjutan tempoh kontrak

#### 2.4.4.2. Kelewatan Kelulusan Lanjutan Masa

- a. Merujuk kepada Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Pegawai Penguasa (PP) perlu meluluskan lanjutan masa sebelum berakhirnya tarikh penyiapan semasa yang dibenarkan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati kelulusan lanjutan masa (EOT) bagi 2 projek lewat diberikan antara 78 hingga 97 hari seperti di **Jadual 2.5**. Ini disebabkan Mesyuarat Penilaian Dan Kelulusan Lanjutan Masa lewat diadakan.

**Jadual 2.5**  
**Projek Yang Lewat Diberi Kelulusan EOT**

Bil.	Nama Projek	Tarikh Siap Kontrak Asal	Tarikh Permohonan EOT	Kelulusan EOT	Tempoh EOT	Tempoh Kelewatan Kelulusan EOT (Hari)
1.	Membina Dan Menyiapkan 12 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat Di Atas Lot PT 1877 Hingga PT 1888, 1 Unit Stesyen Suis Utama (SSU) Beserta Pencawang "Single Chamber" Dan 3 Unit Pencawang "Double Chamber" Serta Kerja-Kerja Infrastruktur Di Taman KP Perdana, Mukim Kubang Parit, Kuala Terengganu	06.03.2010	07.02.2010	13.05.2010	07.03.2010 - 19.07.2010	78
2.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan 16 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Atas Lot 15981, Lot 15986, Pt 19504 Dan Pt 23005 Hingga Pt 23016 Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Gong Badak, Mukim Batu Rakit, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu	16.10.2012	18.12.2012	21.01.2013	17.10.2012 - 28.01.2013	97

Sumber: PMINT

- b. **Maklum balas PMINT bertarih 30 September 2015, menyatakan kelewatan kelulusan lanjutan masa disebabkan dokumen yang dikemukakan oleh kontraktor tidak lengkap. PMINT memaklumkan akan menyediakan SOP permohonan dan kelulusan EOT. Di samping itu, PMINT juga memaklumkan terdapat kekangan dalam mengadakan Mesyuarat EOT.**

#### 2.4.4.3. Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani

- a. Mengikut peraturan PK4(1)(ii)(b) dalam 1PP, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Tarikh kuat kuasa kontrak (*effective date*) hendaklah dinyatakan sebagai tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani oleh petender yang berjaya manakala tarikh kontrak merupakan tarikh kontrak ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

- b. Semakan Audit mendapati dokumen kontrak bagi satu projek lewat ditandatangani iaitu selama 224 hari seperti di **Jadual 2.6**. Ini disebabkan oleh pegawai menyimpan dokumen kontrak tanpa mengambil tindakan selanjutnya.

**Jadual 2.6**  
**Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani**

Nama Projek	Tarikh Surat Setuju Terima	Tarikh Kontrak Ditandatangani	Kelewatan (Hari)
Membina dan Menyiapkan 38 Unit Rumah Berkembar Satu Tingkat Di Atas Lot PT11844-PT11881 Dan 17 Unit Rumah Sesebuah Satu Tingkat Di Atas Lot PT11892-PT119908 Di Mukim Seberang Paka, Daerah Dungun, Terengganu.	20.01.2010	30.12.2010	224

Sumber: PMINT

- c. **Maklum balas PMINT bertarikh 30 September 2015, menyatakan kelewatan menandatangani dokumen kontrak adalah disebabkan dokumen tidak dihantar untuk tujuan mati setem.**

#### **2.4.4.4. Tiada Kebenaran Jabatan Teknik Dan Tiada Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus Bagi Perolehan Perkhidmatan Perunding**

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 tahun 2011 dan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) (PK 3.1) telah menetapkan Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding seperti berikut:
- i. Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) dengan ahlinya dilantik secara bertulis sama ada oleh Pegawai Pengawal atau Ketua Agensi.
  - ii. Nama perunding dan kos siling perkhidmatan perunding diserahkan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM).
  - iii. Bagi projek bernilai kurang RM5 juta, perunding hendaklah dilantik secara lantikan terus berserta kos siling. Bagi projek melebihi RM5 juta tetapi kurang daripada RM50 juta, perunding hendaklah dilantik secara tender terbuka. Manakala projek yang melebihi RM50 juta hendaklah dibuat secara tender terhad.
  - iv. Mengikut IPP bagi projek bernilai sehingga RM50 juta, perunding dilantik secara lantikan terus berserta kos siling dan bagi projek yang melebihi RM50 juta hendaklah dibuat secara tender terhad/terbuka.
  - v. Kerajaan telah mempertanggungjawabkan JKR dan JPS selaku Jabatan Teknik. Agensi yang berhasrat untuk melantik sendiri perunding hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan pelepasan daripada Jabatan Teknik berkenaan.

- vi. Perunding yang telah diluluskan akan mengemukakan cadangan teknikal dan kos untuk dipersetujui oleh Agensi sebelum pelantikan rasmi dibuat.
- b. Semakan Audit terhadap 11 projek yang dilaksanakan dalam tempoh penguatkuasaan peraturan di atas mendapati:
- i. Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) belum ditubuhkan.
  - ii. Semua 11 projek hanya diluluskan oleh Jawatankuasa Pelantikan Perunding dan bukannya oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM).
  - iii. Lantikan perunding bagi 9 projek dalam tahun 2011 hingga 2013 dibuat secara lantikan terus berserta Kos Siling tanpa mengira nilai kos projek. Sebanyak 2 daripada projek tersebut bernilai melebihi RM5 juta dan satu projek bernilai melebihi RM50 juta yang sepatutnya lantikan perunding dibuat masing-masing secara tender terhad dan tender terbuka.
  - iv. Kesemua 11 projek tidak dibuat permohonan pelepasan daripada Jabatan Teknik yang berkenaan. PMINT telah mendapat kelulusan bagi pengecualian pelepasan untuk 2 projek lain yang tidak termasuk dalam 11 projek di atas.

**2.4.4.5. Maklum balas PMINT bertarikh 30 September 2015, menyatakan perlantikan perkhidmatan perunding bagi projek yang dijalankan oleh PMINT adalah berasaskan komersial. Oleh itu, tidak timbul keperluan untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada JKR atau JPS seperti yang disyaratkan. PMINT akan menggubal peraturan baru bagi mengecualikan daripada peraturan tersebut.**

Pada pendapat Audit, tahap kecekapan pengurusan perolehan secara tender adalah sangat baik di mana 96.3% perolehan telah dibuat mengikut tatacara perolehan yang ditetapkan. Bagaimanapun perhatian perlu ditingkatkan terhadap pengurusan dan pentadbiran kontrak, perolehan perkhidmatan perunding dan permohonan pengecualian perolehan tender dan sebut harga. Ini adalah bagi menjaga kepentingan kerajaan dan melicinkan urusan pelaksanaan perolehan serta mendapat harga yang terbaik.

## **2.4.5. Prestasi Pelaksanaan Projek**

### **2.4.5.1. Projek Belum Mendapat Manfaat/Hasil**

Objektif penubuhan PMINT antaranya adalah penglibatan PMINT dalam bidang ekonomi dengan melabur dalam sektor berpotensi, meneraju pembangunan hartanah dan mengoptimum keuntungan dan berdaya saing iaitu pengurusan pemasaran, jualan sewaan dan penggunaan sumber pembiayaan yang memberi peluang penjanaan pendapatan. Semakan Audit mendapati projek penswastaan Plaza Paya Bunga I, Kuala Terengganu dan kawasan terbuka (*open yard*) di kawasan perindustrian Teluk Kalong, Kemaman belum mendatangkan manfaat/hasil kepada PMINT.

## a. Projek Paya Bunga Plaza I

- i. Projek Plaza Paya Bunga pada asalnya merupakan projek usaha sama antara PMINT dan sebuah syarikat swasta pada tahun 1994. Ianya merupakan projek penswastaaan dan kos ditanggung sepenuhnya oleh syarikat tersebut bagi pembangunan kompleks membeli belah yang mengandungi 2 tingkat ruang niaga, 2 tingkat tempat parkir dan 256 pangsapuri serta 50 bilik hotel di atas tanah PMINT seluas 1.76 ekar. Projek ini dijangka siap dalam tempoh 3 tahun (Oktober 1999) dengan anggaran kos asal berjumlah RM92.01 juta dan anggaran pulangan kepada PMINT sejumlah RM24.70 juta (39% daripada kos pelaburan). Bagaimanapun projek ini telah terbengkalai disebabkan beberapa faktor antaranya kegawatan ekonomi pada tahun 1997/1998. Pada tahun 2014, PMINT telah bersetuju untuk mengambil alih hak milik plaza tersebut dengan kos sejumlah RM60 juta bagi mengelakkan lelongan awam.
- ii. Sehingga ke tarikh pengauditan, pembinaan Paya Bunga Plaza I telah siap setelah hampir 20 tahun terbengkalai namun masih belum disewakan. Pihak PMINT masih berurusan dengan bakal penyewa utama (*anchor tenant*) untuk beroperasi di plaza tersebut. Menurut PMINT ianya dijangka beroperasi pada bulan Disember 2015. **Gambar 2.1** menunjukkan Paya Bunga Plaza I yang telah siap.



**Gambar 2.1**  
**Paya Bunga Plaza I**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Terengganu  
Tarikh: 12 Ogos 2015


## b. Kawasan Terbuka (*Open Yard*) di Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman

- i. Kawasan Terbuka (*open yard*) ini terletak di atas tanah Lot 4000/PN 3947 dengan keluasan 9.76 hektar (24 ekar) yang terletak di kawasan perindustrian Teluk Kalong, Kemaman seperti di **Gambar 2.2**. Objektif utama projek ialah untuk disewakan terutama kepada syarikat bumiputera yang terlibat dalam bidang petroleum dan gas. Antara kemudahan yang disediakan di kawasan tersebut adalah parkir, longkang, jalan premix, lampu jalan, sistem saliran (*water reticulation*) dan kemudahan lain seperti penyenggaraan dan pengawal keselamatan. Pihak PMINT juga menawarkan kemudahan Pejabat Pengurusan berserta Pejabat Kastam kepada para penyewa yang memerlukannya. Anggaran

pendapatan daripada sewaan kawasan ini adalah RM9.10 juta setahun dengan kadar sewa RM10 bagi satu meter persegi.

- ii. Semakan Audit mendapati kerja-kerja tambun tanah dan penyediaan prasarana telah siap pada Ogos 2014 dengan kos sejumlah RM6.30 juta. Lawatan Audit pada 10 Jun 2015 mendapati belum ada syarikat yang menyewa tapak tersebut seperti di **Gambar 2.3**.

**Gambar 2.2**  
**Peta Lokasi Kawasan Terbuka**  
**(Open Yard) Di Teluk Kalong, Kemaman**



Sumber: PMINT

**Gambar 2.3**  
**Tapak Kawasan Terbuka (Open Yard)**  
**Di Teluk Kalong, Kemaman**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kawasan Perindustrian Teluk Kalong,  
Kemaman  
Tarikh: 10 Jun 2015

- c. **Menurut maklum balas PMINT bertarikh 28 Oktober 2015, PMINT telah melaksanakan 4 siri perbincangan dengan pihak penyewa utama termasuk bahagian sewaan dan teknikal penyewa utama. Susulan terakhir adalah pada 20 Ogos 2015. PMINT juga telah mengemukakan draf perjanjian sewaan kepada pihak penyewa utama untuk persetujuan dan secara dasarnya penyewa utama bersetuju memuktamadkan perjanjian sewaan dan akan memulakan operasi pada suku pertama tahun 2016. Bagi projek Kawasan Terbuka (Open Yard) di kawasan perindustrian Teluk Kalong, Kemaman pula setakat ini masih belum ada penyewa walaupun ada syarikat yang berminat.**

#### 2.4.5.2. Projek Lewat Disiapkan Dari Tempoh Yang Ditetapkan

- a. Secara umumnya mengikut perjanjian/kontrak, setiap projek hendaklah disiapkan dalam tempoh seperti mana yang ditetapkan dan Sijil Tidak Siap Kerja hendaklah dikeluarkan jika projek gagal disiapkan dalam tempoh yang dipersetujui. Semakan Audit mendapati 3 daripada 16 projek yang disemak, lewat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan telah dikenakan Jumlah Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) masing-masing sejumlah RM0.15 juta, RM0.23 juta dan RM3.65 juta seperti di **Jadual 2.7**. LAD bagi 2 projek iaitu projek perumahan di KP Perdana (fasa IV) dan perindustrian JAKAR III sejumlah RM0.38 juta telah dikutip. Manakala bagi projek

Paya Bunga Square dijangka dikutip pada bulan Disember 2015. Projek tersebut telah siap dan telah dijual/disewakan.

**Jadual 2.7**  
**Projek Lewat Disiapkan**

Bil.	Nama Projek	Tarikh Siap Kontrak Asal	Bilangan Lanjutan Masa Diluluskan	Tarikh Akhir Lanjutan Masa	Tarikh Siap Sebenar	LAD Dikenakan (RM)
1.	Membina Dan Menyiapkan 36 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di KP Perdana Mukim Kubang Parit, Kuala Terengganu (Fasa IV)	02.12.2012	2	31.03.2013	20.05.2013	225,000 (RM4500 @ 50 hari)
2.	Membina Dan Menyiapkan 10 Unit Bengkel Berkembar IKS 1 ½ Tingkat Di Kawasan Perindustrian JAKAR III Mukim Cukai, Kemaman	15.04.2012	2	11.07.2012	06.02.2013	145,000 (RM700 @ 208 hari)
3	Paya Bunga Square	2010	3	08.05.2014	15.04.2015	3.65 juta (342 hari lewat)

Sumber: PMINT

- b. Semakan Audit mendapati antara punca kelewatan tersebut adalah disebabkan masalah kepada sistem mekanikal dan elektrik, kontraktor tidak menepati jadual pelaksanaan projek dan gangguan terhadap bekalan elektrik kepada pelanggan. **Gambar 2.4** hingga **Gambar 2.6** merupakan projek lewat disiapkan dari tempoh yang ditetapkan dalam kontrak.

**Gambar 2.4**  
**36 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Fasa IV)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: KP Perdana Mukim Kubang Parit, Kuala Terengganu  
Tarikh: 11 Ogos 2015

**Gambar 2.5**  
**10 Unit Bengkel Berkembar IKS 1 ½ Tingkat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kawasan Perindustrian JAKAR III, Mukim Cukai, Kemaman  
Tarikh: 10 Jun 2015





**Gambar 2.6**  
**Bangunan Paya Bunga Square**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Terengganu  
Tarikh: 12 Jun 2014

- c. **Menurut maklum balas PMINT bertarikh 15 September 2015, kesemua projek yang lewat adalah disebabkan kerja-kerja tambahan yang memerlukan lanjutan masa dan LAD telah dikenakan bagi projek yang melebihi tempoh lanjutan masa.**

**Pada Pendapat Audit, secara keseluruhannya PMINT telah mengurus dan memantau projek pembangunan dengan baik walaupun terdapat kelewatan dalam penyiapan beberapa projek dan projek belum mendapat manfaat/hasil.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi memantapkan lagi tahap pengurusan perolehan, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu boleh mempertimbangkan beberapa tindakan seperti berikut:

- 2.5.1.** Mematuhi prosedur dan tatacara yang ditetapkan bagi perolehan secara rundingan terus.
- 2.5.2.** Memastikan Paya Bunga Plaza I dan *Open Yard* yang telah siap pembangunannya dapat disewakan dalam tempoh terdekat bagi mengurangkan *holding cost* atas kedua-dua projek berkenaan.

**3. PENGURUSAN HARTANAH WAKAF**

**3.1. LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** Mengikut Seksyen 63 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dipertanggungjawabkan sebagai pentadbir tunggal harta wakaf bagi seluruh Negeri Terengganu.

**3.1.2.** Menurut MAIDAM, Wakaf ialah pemberian harta daripada orang awam seperti tanah, bangunan dan wang kepada Nazir Wakaf (Pemegang Amanah) yang bertujuan untuk kebajikan pihak yang ditentukan khususnya serta masyarakat Islam secara keseluruhannya. Harta wakaf terbahagi kepada 2 jenis iaitu Wakaf Ahli/Zuriat dan Wakaf Khairi (Kebajikan). Wakaf Khairi terbahagi kepada Wakaf Am dan Wakaf Khas. Wakaf Am adalah wakaf yang tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh ditadbir untuk apa jua bentuk pembangunan bagi memberikan hasil sebaik mungkin. Manakala Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah dikhaskan sahaja.

**3.1.3.** Sehingga akhir tahun 2014, bilangan hartanah wakaf di Negeri Terengganu adalah sebanyak 649 lot tanah dan 88 unit bangunan. Kedudukan bilangan tanah dan bangunan wakaf sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 3.1** dan **Jadual 3.2** serta **Carta 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Kedudukan Tanah Wakaf Di Negeri Terengganu Pada 31.12.2014**

Bil.	Daerah	Jenis Wakaf											
		Wakaf Ahli/Zuriat		Wakaf Khairi									
				Wakaf Am		Wakaf Khas							
		Bil. Lot	Luas (ha)			Bil. Lot	Luas (ha)	Manfaat Wakaf		Tapak Perkuburan Islam		Tapak Surau	
Bil. Lot	Luas (ha)	Bil. Lot	Luas (ha)	Bil. Lot	Luas (ha)	Bil. Lot	Luas (ha)	Bil. Lot	Luas (ha)	Bil. Lot	Luas (ha)		
1.	Kuala Terengganu	20	13.82	124	6.25	198	48.16	40	5.43	38	2.89	23	3.09
2.	Marang	4	1.71	19	8.96	36	10.56	11	2.58	23	1.12	11	2.28
3.	Kemaman	1	25,665.83	21	10.43	4	348.04	1	0.08	10	1.07	2	0.14
4.	Hulu Terengganu	1	2.10	9	2.30	4	5.59	4	0.82	3	0.27	3	0.69
5.	Dungun	0	0	3	1.95	1	0.10	0	0	6	0.88	2	0.28
6.	Setiu	0	0	4	0.43	0	0	2	0.98	2	0.18	9	1.63
7.	Besut	0	0	3	1.35	2	0.12	2	0.76	3	0.16	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>26</b>	<b>25,683.46</b>	<b>183</b>	<b>31.67</b>	<b>245</b>	<b>412.57</b>	<b>60</b>	<b>10.65</b>	<b>85</b>	<b>6.57</b>	<b>50</b>	<b>8.11</b>
<b>Nilai Pasaran (RM juta)</b>		<b>9.76</b>		<b>13.39</b>		<b>53.97</b>		<b>3.34</b>		<b>7.52</b>		<b>4.39</b>	


Sumber: MAIDAM

**Jadual 3.2**  
**Kedudukan Bangunan Wakaf Pada 31.12.2014**

Bil.	Daerah/Negeri	Jenis Wakaf			
		Wakaf Khairi			
		Wakaf Am		Wakaf Khas	
		Unit	Nilai Pasaran (RM)	Unit	Nilai Pasaran (RM)
1.	Kuala Terengganu	51	4,017,555	23	6,923,272
2.	Marang	1	1,994,000	6	614,700
3.	Kemaman	1	1	1	326,733
4.	Besut	4	8,732,839	0	0
5.	Selangor	1	1	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>58</b>	<b>14,744,396</b>	<b>30</b>	<b>7,864,705</b>

Sumber: MAIDAM

**Carta 3.1**  
**Kedudukan Tanah Wakaf Mengikut Jenis Wakaf**



Sumber: MAIDAM

**3.1.4.** Bagi tahun 2012 hingga 2014, pendapatan Kumpulan Wang Wakaf MAIDAM dijana daripada beberapa sumber seperti pendapatan sewaan, hibah akaun semasa, keuntungan pelaburan mudharabah dan pelbagai terimaan. Manakala perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf MAIDAM bagi tempoh yang sama adalah bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan, perkhidmatan iktisas, perhubungan dan utiliti serta lain-lain perbelanjaan. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Lebih	
			Semasa* (RM Juta)	Terkumpul (RM Juta)
2012	0.93	0.36	0.57	3.00
2013	1.06	0.07	1.01	4.01
2014	1.22	0.27	0.35	4.36

Sumber: MAIDAM

Nota : \* Jumlah lebihan semasa adalah setelah diambil kira pelarasan dalam tahun

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hartanah wakaf dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta dibangunkan/digunakan berlandaskan pentadbiran hukum syarak dan mengikut tujuan ianya diwakafkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan terhadap pengurusan hartanah wakaf meliputi tahun 2012 hingga 2014 yang ditumpukan kepada tanah dan bangunan wakaf, sama ada yang disewakan atau yang berpotensi untuk dimajukan. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan menggunakan sampel yang dipilih secara rawak. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan ke 40 lokasi tanah dan bangunan wakaf di Daerah Kuala Terengganu, Marang dan Hulu Terengganu turut dijalankan. *Exit conference* telah diadakan pada 7 Oktober 2015 di mana telah dihadiri oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama MAIDAM, pegawai Unit Integriti Negeri dan pegawai Unit Audit Dalam Negeri.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2015 mendapati pada keseluruhannya pengurusan hartanah wakaf telah dilaksanakan dengan baik bagi aspek pewartaan, pendaftaran dan rekod. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Sehingga Disember 2014 pembangunan hartanah wakaf masih belum tercapai di mana 42.3% daripada lot tanah wakaf zuriat dan manfaat wakaf belum dimanfaatkan.
- 74.8% daripada lot tanah wakaf tapak masjid dan surau belum dibangunkan.
- Tunggakan sewa meningkat dan sebanyak 82 (81.2%) daripada 101 lot tanah yang dilupuskan masih belum dibuat penggantian (istibdal).

#### **3.4.1. Pewartaan Hartanah Wakaf**

**3.4.1.1.** Menurut Seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, MAIDAM hendaklah dengan seberapa segera selepas 31 Disember tiap-tiap tahun menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam warta satu senarai harta, pelaburan dan aset yang terletak hak kepada MAIDAM, dengan tertakluk kepada mana-mana wakaf, nazar atau amanah dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang MAIDAM.

**3.4.1.2.** Semakan Audit mendapati MAIDAM telah mengambil tindakan proaktif dalamewartakan hartanah wakaf setelah perkara ini dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Daripada jumlah keseluruhan hartanah wakaf sebanyak 737 lot sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 698 (94.7%) lot telah diwartakan. Manakala baki 39 lot lagi masih dalam proses pewartaan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Pewartaan Hartanah Wakaf Di Negeri Terengganu Sehingga 31 Disember 2014**

Status Pewartaan	Bil. Lot Yang Diwartakan							Jumlah (Lot)
	Wakaf Am	Manfaat Wakaf	Wakaf Zuriat	Tapak Masjid	Tapak Surau	Perkuburan Islam	Bangunan	
Telah Warta	182	245	25	50	84	60	52	698
Belum Warta	1	0	1	0	1	0	36	39

Sumber: MAIDAM

**Pada pendapat Audit, prestasi pewartaan hartanah wakaf adalah baik di mana sebanyak 698 atau 94.7% daripada 737 lot hartanah wakaf telah diwartakan.**

### **3.4.2. Pembangunan Hartanah Wakaf**

MAIDAM bertanggungjawab memastikan hartanah wakaf terpelihara, berkembang dan dibangunkan bukan sahaja bagi menunaikan hasrat pewakaf semata-mata tetapi juga bagi mempertingkatkan hasil pendapatan tahunan wakaf. Sehingga 31 Disember 2014, MAIDAM mempunyai 58 unit bangunan bagi wakaf am dan 30 unit bangunan bagi wakaf khas. Pihak Audit juga mendapati keseluruhan lot tanah wakaf am sebanyak 183 lot telah dimanfaatkan secara sewaan tanah, bangunan kediaman dan perkedaian. Manakala status penggunaan/pembangunan bagi lain-lain harta wakaf iaitu lot tanah wakaf zuriat, manfaat wakaf, tapak masjid dan surau adalah seperti berikut:

#### **3.4.2.1. Sebanyak 115 Daripada 272 Lot Tanah Wakaf Zuriat Dan Manfaat Wakaf Belum Dimanfaatkan**

- a. Wakaf Zuriat merupakan wakaf di mana manfaat yang diperoleh hanya boleh digunakan bagi kebajikan zuriat atau keturunan pewakaf. Manakala Manfaat Wakaf merupakan wakaf di mana manfaatnya hanya boleh digunakan mengikut tujuan pewakafan sahaja. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 17 (65.4%) daripada 26 lot tanah wakaf zuriat dan 140 (56.9%) daripada 246 lot tanah manfaat wakaf telah disewakan sama ada bagi tujuan pertanian, perkedaian, kediaman serta kebajikan. Manakala baki lot tanah masing-masing sebanyak 9 (34.6%) dan 106 (43.1%) belum dimanfaatkan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Pembangunan Tanah Wakaf Zuriat Dan Manfaat Wakaf Mengikut Daerah**

Daerah	Wakaf Zuriat (Bil. Lot)				Manfaat Wakaf (Bil. Lot)			
	Selesai	Belum	Jumlah	(%) Selesai	Selesai	Belum	Jumlah	(%) Selesai
Kuala Terengganu	13	7	20	65.0	118	82	200	59.0
Marang	2	2	4	50.0	14	22	36	38.9
Dungun	0	0	0	0.0	1	0	1	100.0
Hulu Terengganu	1	0	1	100.0	2	2	4	50.0
Kemaman	1	0	1	100.0	3	0	3	100.0
Besut	0	0	0	0.0	2	0	2	100.0
Setiu	0	0	0	0.0	0	0	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>17</b>	<b>9</b>	<b>26</b>	<b>65.4</b>	<b>140</b>	<b>106</b>	<b>246</b>	<b>56.9</b>

Sumber: MAIDAM

- b. Semakan lanjut Audit mendapati daripada keseluruhan 115 lot tanah wakaf (9 lot wakaf zuriat dan 106 lot manfaat wakaf) yang belum dimanfaatkan, 58 lot telah diwakafkan antara tahun 1923 hingga 1980, 46 lot diwakafkan antara tahun 1981 hingga 2000, 10 lot diwakafkan antara tahun 2001 hingga 2010 dan satu lot telah diwakafkan antara tahun 2011 hingga 2014. Maklumat lanjut mengenai pembangunan tanah wakaf adalah seperti di **Jadual 3.6**. Keadaan ini menyebabkan tanah wakaf tersebut belum dimanfaatkan sebagaimana hasrat pewakaf.

**Jadual 3.6**  
**Pembangunan Tanah Wakaf Zuriat Dan Manfaat Wakaf  
Mengikut Tahun Diwakafkan**

Tahun Diwakafkan	Wakaf Zuriat (Bil. Lot)			Manfaat Wakaf (Bil. Lot)		
	Selesai	Belum	Jumlah	Selesai	Belum	Jumlah
1923 – 1980	11	3	14	74	55	129
1981 – 2000	3	4	7	53	42	95
2001 – 2010	3	2	5	13	8	21
2011 – 2014	0	0	0	0	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>17</b>	<b>9</b>	<b>26</b>	<b>140</b>	<b>106</b>	<b>246</b>

Sumber: MAIDAM

- c. **Maklum balas MAIDAM bertarikh 7 Oktober 2015**, menyatakan bahawa MAIDAM dalam proses mengenalpasti tanah-tanah wakaf yang ekonomik seperti terletak di kawasan bandar atau pinggir bandar dan tanah yang terletak di tepi jalan utama untuk dibangunkan dengan projek perniagaan. Selain itu mana-mana tanah wakaf yang berkeluasan besar akan diusahakan dengan projek perumahan dan perladangan/pertanian. Manakala tanah-tanah wakaf yang berkeluasan kurang suku ekar yang terletak di kawasan tidak ekonomik akan diistibdal dengan tanah lain bagi mengurangkan tanah yang terbiar dan tidak boleh dimajukan.

### 3.4.2.2. Sebanyak 101 (74.8%) Daripada 135 Lot Tanah Wakaf Tapak Masjid Dan Surau Belum Dibangunkan

- a. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 32 (64.0%) daripada 50 lot wakaf tapak masjid dan 69 (81.2%) daripada 85 lot wakaf tapak surau belum dibangunkan. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Pembangunan Tanah Wakaf Tapak Masjid Dan Tapak Surau Mengikut Daerah**

Daerah	Tapak Masjid (Bil. Lot)				Tapak Surau (Bil. Lot)			
	Selesai	Belum	Jumlah	(%) Selesai	Selesai	Belum	Jumlah	(%) Selesai
Kuala Terengganu	4	19	23	17.4	8	30	38	21.1
Marang	1	10	11	9.0	0	23	23	0.0
Dungun	2	0	2	100.0	2	4	6	33.3
Hulu Terengganu	3	0	3	100.0	0	3	3	0.0
Kemaman	1	1	2	50.0	5	5	10	50.0
Besut	0	0	0	0.0	1	2	3	33.3
Setiu	7	2	9	77.8	0	2	2	0
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>	<b>32</b>	<b>50</b>	<b>36.0</b>	<b>16</b>	<b>69</b>	<b>85</b>	<b>18.8</b>

Sumber: MAIDAM

- b. Analisis pengumuran terhadap tanah tersebut mendapati daripada keseluruhan 101 lot tanah wakaf tapak masjid dan tapak surau yang belum dibangunkan, 10 lot telah diwakafkan antara tahun 1947 hingga 1980, 29 lot diwakafkan antara tahun 1981 hingga 2000, 46 lot diwakafkan antara tahun 2001 hingga 2010 dan 16 lot telah diwakafkan antara tahun 2011 hingga 2014. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 3.8**. Keadaan ini menyebabkan tanah wakaf tersebut tidak dimanfaatkan sebagaimana hasrat pewakaf.

**Jadual 3.8**  
**Pembangunan Tanah Wakaf Tapak Masjid Dan Tapak Surau Mengikut Tahun Pewakafan**

Tahun Diwakafkan	Tapak Masjid (Bil. Lot)			Tapak Surau (Bil. Lot)		
	Selesai	Belum	Jumlah	Selesai	Belum	Jumlah
1947 – 1980	1	6	7	1	4	5
1981 – 2000	7	13	20	7	16	23
2001 – 2010	9	11	20	5	35	40
2011 – 2014	1	2	3	3	14	17
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>	<b>32</b>	<b>50</b>	<b>16</b>	<b>69</b>	<b>85</b>

Sumber: MAIDAM

- c. **Maklum balas MAIDAM bertarikh 7 Oktober 2015, memaklumkan bahawa telah terdapat masjid di tempat berdekatan dengan tanah wakaf tersebut. Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) menetapkan di satu-satu qaryah tidak boleh terdapat masjid/surau lebih dari satu tempat. Mana-mana tanah wakaf tapak masjid dan surau yang terletak berdekatan dengan masjid yang telah dibina oleh Kerajaan akan diistبدال dengan mengenalpasti mana-**

mana tempat/qaryah yang tiada kemudahan tersebut atau ianya bergantung kepada keputusan fatwa sama ada tanah-tanah wakaf tersebut boleh diistibdal atau diubah status wakafnya kepada wakaf untuk manfaat masjid atau surau.

### 3.4.2.3. Dua Daripada 7 Projek Pembangunan Belum Dilaksanakan

- a. Merujuk kepada Perancangan Strategik 6 Tahun (2010-2015) MAIDAM, sebanyak 7 projek pembangunan hartanah wakaf akan dilaksanakan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2015. Semakan Audit mendapati 5 daripada 7 projek pembangunan yang dirancang telah dilaksanakan dengan kos sejumlah RM13.24 juta. Selain menggunakan peruntukan zakat, sumber peruntukan bagi pelaksanaan projek tersebut juga sebahagiannya dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR). Maklumat lanjut berkenaan projek tersebut dan contoh gambar projek yang berjaya dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 3.9** serta **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**. Bagaimanapun, terdapat 2 projek pembangunan yang dirancang masih belum dilaksanakan sehingga tarikh pengauditan seperti di **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.9**  
**Hartanah Wakaf Yang Telah Dibangunkan Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2015**

Bil.	Perkara	Tempat	Kos (RM Juta)	Tarikh Siap	Sumber Peruntukan
1.	Banglo 2 tingkat	Kampung Besut, Kemaman	0.38	13.04.2010	Kerajaan Negeri
2.	6 unit kedai 1 tingkat	Kampung Gong Pak Maseh, Mukim Batu Buruk, Kuala Terengganu	0.80	14.01.2011	Kerajaan Negeri
3.	5 unit kedai Hentian MAIDAM	Kampung Padang Air, Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu	1.09	13.02.2011	Kerajaan Negeri
4.	Asrama anak yatim	Kampung Gong Kepas, Mukim Kampung Raja, Besut, Terengganu	7.67	18.09.2011	JAWHAR
5.	Asrama anak yatim (Darul Akhyar)	Batu Rakit, Kuala Terengganu	3.30	25.04.2011	Zakat MAIDAM
<b>Jumlah</b>			<b>13.24</b>		

Sumber: MAIDAM



**Gambar 3.1**  
**6 Unit Kedai 1 Tingkat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Gong Pak Maseh, Kuala Terengganu  
Tarikh: 8 September 2015

**Gambar 3.2**  
**5 Unit Kedai Hentian MAIDAM**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Padang Air, Kuala Nerus  
Tarikh: 8 September 2015

**Gambar 3.3**  
**Asrama Anak Yatim Darul Akhyar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Mengabang Kapal, Kuala Nerus  
Tarikh: 30 Jun 2015

**Gambar 3.4**  
**Asrama Anak Yatim**



Sumber: MAIDAM  
Lokasi: Kg. Gong Kepas, Besut  
Tarikh: 8 September 2015

**Jadual 3.10**  
**Projek Pembangunan Yang Belum Dilaksanakan**

Bil.	Perkara	Tempat	Kos (RM Juta)	Sumber Peruntukan
1.	Rumah kedai	Kampung Padang Air, Kuala Nerus	0.50	Kerajaan Negeri
2.	14 unit rumah teres 1 tingkat	Kampung Seberang Baroh, Mukim Chabang Tiga, Kuala Terengganu	0.50	Kerajaan Negeri

Sumber: MAIDAM

- b. **Maklum balas MAIDAM bertarikh 7 Oktober 2015**, memaklumkan bahawa lot tanah yang terlibat bagi projek rumah kedai di Kampung Padang Air telah diambil balik oleh Kerajaan untuk dijadikan tapak Masjid Kampung Tok Jiring, Kuala Nerus. Manakala projek pembinaan 14 unit rumah teres satu tingkat di Kampung Seberang Baroh ditangguhkan kerana peruntukan tidak mencukupi dan permohonan Kebenaran Merancang daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) telah ditarik balik ekoran kegagalan MAIDAM memenuhi syarat pindaan pelan yang dikehendaki MBKT.

Pada pendapat Audit, matlamat pembangunan hartanah wakaf belum tercapai kerana sebanyak 115 daripada 272 lot tanah wakaf zuriat dan manfaat wakaf belum dimanfaatkan, sebanyak 101 (74.8%) daripada 135 lot tanah wakaf tapak masjid dan surau belum dibangunkan serta 2 daripada 7 projek pembangunan belum dilaksanakan. Sekiranya usaha yang gigih dilakukan, matlamat pembinaan 2 projek yang dirancang dapat dicapai sekali gus dapat meningkatkan pendapatan hasil sewaan rumah kedai dan rumah kediaman.

### 3.4.3. Pengurusan Sewaan Kurang Cepak

MAIDAM hendaklah memastikan prestasi kutipan sewa bertambah baik dan tunggakan sewa semakin menurun dari tahun ke tahun. Pendapatan sewaan hartanah wakaf dijana menerusi sewaan bangunan dan tanah secara bulanan serta sewaan tanah secara tahunan.

#### 3.4.3.1. Tunggakan Sewaan Meningkat

- a. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, pendapatan sewaan hartanah wakaf menyumbang sejumlah RM1.56 juta (48.4%) daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Wakaf yang berjumlah RM3.22 juta bagi tempoh masa yang sama. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.11**.

**Jadual 3.11**  
**Pendapatan Kumpulan Wang Wakaf Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Pendapatan	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	
1.	Sewaan:				
	a) Bangunan	0.31	0.43	0.43	1.17
	b) Tanah (Bulanan)	0.06	0.08	0.09	0.23
	c) Tanah (Tahunan)	0.04	0.03	0.03	0.10
	d) Rumah Asnaf Miskin	0	0.04	0.02	0.06
	<b>Jumlah Pendapatan Sewaan</b>	<b>0.41</b>	<b>0.58</b>	<b>0.57</b>	<b>1.56</b>
2.	Hibah Akaun Semasa	0.07	0.04	0.02	0.13
3.	Keuntungan Pelaburan Mudharabah	0.35	0.33	0.31	0.99
4.	Pelbagai Terimaan	0.10	0.11	0.32	0.54
	<b>Jumlah Pendapatan Kumpulan Wang Wakaf</b>	<b>0.93</b>	<b>1.06</b>	<b>1.22</b>	<b>3.22</b>
	<b>Peratus (%)</b>	<b>44.1</b>	<b>54.7</b>	<b>46.7</b>	<b>48.4</b>

Sumber: MAIDAM

- b. Analisis Audit mendapati peratusan kutipan sewa sebenar berbanding sewa sepatutnya dikutip bagi tempoh 2012 hingga 2014 masing-masing adalah 51.3%, 50.5% dan 50.9%. Selain itu, pihak Audit juga mendapati tunggakan sewa meningkat 37.8% dari tahun 2012 sebanyak RM0.37 juta kepada RM0.51 juta pada tahun 2014. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.12**, **Carta 3.2** dan **Carta 3.3**.


**Jadual 3.12**  
**Kutipan Sewa Hartanah Wakaf Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Kutipan Sepatut (RM Juta)			Kutipan Sebenar		Baki Akhir* (RM Juta)
	Baki Awal	Pendapatan Dalam Tahun	Jumlah	(RM Juta)	(%)	
2012	0.36	0.40	0.76	0.39	51.3	0.37
2013	0.37	0.58	0.95	0.48	50.5	0.49
2014	0.49	0.57	1.06	0.54	50.9	0.51

Sumber: MAIDAM


Nota : \* Baki akhir adalah setelah mengambil kira pelarasan dalam tahun semasa

**Carta 3.2**  
**Prestasi Kutipan Sewa Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014**



Sumber: MAIDAM

**Carta 3.3**  
**Tunggakan Sewa Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014**



Sumber: MAIDAM

- c. Sehingga 31 Disember 2014, terdapat seramai 575 penyewa hartanah wakaf MAIDAM. Daripada jumlah tersebut, seramai 434 atau 75.5% penyewa mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM0.51 juta seperti di **Jadual 3.13**.

**Jadual 3.13**  
**Tunggakan Sewa Hartanah Wakaf Pada 31 Disember 2014**

Bil.	Jenis Sewaan	Bil. Penyewa	Tempoh Tunggakan	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
1.	Bangunan/Rumah	89	1 – 15 bulan	0.18
2.	Tanah (Bulanan)	82	1 – 80 bulan	0.13
3.	Tanah (Tahunan)	263	1 – 26 tahun	0.20
<b>Jumlah</b>		<b>434</b>		<b>0.51</b>

Sumber: MAIDAM

- d. Semakan Audit ke atas fail penyewa mendapati beberapa kelemahan daripada aspek penyediaan/pembaharuan perjanjian sewa, tindakan bagi mendapatkan bayaran balik tunggakan sewa dan perbezaan jumlah tunggakan sewa antara Unit Wakaf dan Unit Kewangan seperti di **Jadual 3.14**.

**Jadual 3.14**  
**Hasil Analisis Ke Atas Fail Penyewa**

Bil.	Kelemahan Dikenalpasti	Bil. Penyewa Terlibat	Catatan
1.	Perjanjian sewa diperbaharui walaupun penyewa masih mempunyai tunggakan	1	Tunggakan sewa sejumlah RM6,000 bersamaan 15 bulan sewa
2.	Tiada tindakan mengambil balik tanah bagi penyewa yang mempunyai tunggakan	6	Tunggakan sewa daripada RM1,080 hingga RM4,050
3.	Perjanjian sewa tidak diperbaharui	14	Perjanjian sewa paling lama yang telah tamat tempoh adalah pada tahun 1987. Tunggakan sewa daripada RM1,188 hingga RM8,000
4.	Perbezaan jumlah tunggakan sewa antara Unit Wakaf dan Unit Kewangan MAIDAM	4	Perbezaan adalah daripada RM300 hingga RM5,440
5.	Tiada tindakan bagi mendapatkan jumlah tunggakan sewa daripada penyewa yang tamat sewaan dan tidak lagi menyewa	8	Tunggakan sewa daripada RM722.40 hingga RM4,200

Sumber: MAIDAM

- e. **Maklum balas MAIDAM bertarikh 7 Oktober 2015**, memaklumkan bahawa pihak MAIDAM telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah tunggakan sewa. Langkah-langkah yang diambil antaranya menghantar notis tunggakan sewa melalui pos kepada penyewa, melaksanakan program turun padang sebanyak 2 kali dalam tempoh setahun, menambah kakitangan di bahagian sewaan wakaf, menampal senarai nama penyewa yang mempunyai tunggakan sewa di masjid-masjid yang melibatkan tanah wakaf untuk masjid berkaitan sahaja dan penguatkuasaan undang-undang melalui pelantikan peguam panel MAIDAM.

### 3.4.3.2. Tunggakan Sewa Pajak dan *Tribute* Hasil Konsesi Cenderong

- a. Tanah wakaf Konsesi Cenderong seluas 63,448 ekar telah dipajak kepada 6 pemajak selama 99 tahun. Berdasarkan perjanjian, setiap pemajak hendaklah menjelaskan bayaran sewa pajak dan *tribute* hasil kepada MAIDAM pada setiap tahun. Kadar bayaran yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 3.15**.

**Jadual 3.15**  
**Kadar Bayaran Sewa Dan *Tribute* Hasil Konsesi Cenderong**

Bil.	Sewa/Tribute	Kadar
1.	Sewa tahunan	RM8,000 x % keluasan tanah pajakan
2.	<i>Tribute</i> galian kecuali bijih besi	5% -7% x pendapatan kasar
3.	<i>Tribute</i> hasil balak	RM1 / 50 <i>cubic feet</i>
4.	<i>Tribute</i> bijih besi	RM0.20 / <i>long ton</i>
5.	<i>Tribute</i> hasil keluaran hutan	2% x pendapatan kasar
6.	<i>Tribute</i> tanaman getah, kelapa sawit	RM1 setahun

Sumber: MAIDAM

- b. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, jumlah kutipan sewa pajak dan *tribute* hasil yang dibayar pemajak adalah RM2.38 juta. Semakan Audit mendapati 2 daripada 6 pemajak tidak membayar sewa pajak masing-masing sejak tahun 1990 (24 tahun) dan 1999 (15 tahun) seperti di **Jadual 3.16**. Bagaimanapun jumlah tunggakan *tribute* hasil tidak dapat ditentukan kerana pemajak tidak menghantar laporan hasil kepada MAIDAM. Kegagalan pemajak membayar sewa pajak dan *tribute* hasil Konsesi Cenderong menyebabkan jumlah hasil yang sepatutnya diterima oleh MAIDAM dan pewaris berkurangan.

**Jadual 3.16**  
**Tunggakan Sewa Pajak Konsesi Cenderong**

Bil.	Nama Pemajak	Luas Tanah Pajak (Ekar)	Sewa Pajak Tahunan (RM)	Tunggakan Sewa Pajak (RM)
1.	Pemajak A	1,000	125.60	3,014.40
2.	Pemajak B	6,279	510.40	7,656.00

Sumber: MAIDAM

- c. **Maklum balas MAIDAM bertarih 7 Oktober 2015**, menyatakan MAIDAM telah menghantar notis tuntutan bayaran sewa dan *tribute* hasil setiap tahun tetapi notis yang dihantar tidak diterima dan dipulangkan kembali. Sehubungan itu, MAIDAM akan membuat lawatan tapak susulan ke kawasan pajakan 2 pemajak terlibat bagi mengenal pasti masalah berkenaan sewa pajak dan *tribute* hasil tersebut. MAIDAM juga akan pergi ke alamat berdaftar syarikat berkenaan untuk mendapat maklum balas berkenaan sewa pajak dan *tribute* hasil tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan sewaan adalah kurang cekap kerana tunggakan sewaan meningkat dan pemajak gagal membayar sewa pajakan serta *tribute* hasil Konsesi Cenderong.

### 3.4.4. Pengurusan Penggantian Balik Tanah Wakaf (Istibdal) Kurang Cekap

Istibdal bermaksud membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai harta wakaf (*mawquf*) bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperoleh menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-46 yang bersidang pada 22 April 1999 telah menetapkan tanah wakaf yang diambil/dipindah milik kepada Kerajaan hendaklah dibayar pampasan mengikut nilai tanah yang diambil atau menggantikan dengan tanah lain yang setara atau yang lebih baik nilainya.

#### 3.4.4.1. Tanah Wakaf Yang Dilupus Belum Diganti

- a. MAIDAM selaku pentadbir tunggal wakaf bertanggungjawab memastikan kesemua tanah wakaf yang dilupuskan/diambil balik digantikan kembali dengan tanah atau aset yang lain. Semakan Audit mendapati sebanyak 101 lot tanah telah dilupuskan sehingga akhir tahun 2014 dengan jumlah pampasan berjumlah RM16.08 juta seperti di **Jadual 3.17**. Daripada jumlah tersebut, MAIDAM telah membuat penggantian (istibdal) dengan 8 lot tanah dan 7 unit bangunan seperti di **Jadual 3.18**.

**Jadual 3.17**  
**Maklumat Pelupusan Tanah Wakaf**

Bil.	Tempoh Tahun	Bil. Lot Yang Dilupuskan	Jumlah Pampasan (RM Juta)
1.	1951 – 1979	22	0.19
2.	1980 – 1989	15	0.21
3.	1990 – 1999	28	2.47
4.	2000 – 2010	28	10.91
5.	2011 – 2014	8	2.30
<b>Jumlah</b>		<b>101</b>	<b>16.08</b>

Sumber: MAIDAM

**Jadual 3.18**  
**Hartanah Wakaf Yang Telah Dibuat Penggantian**

Bil.	Pengambilan Balik Tanah	Penggantian
1.	1 lot tanah wakaf Masjid Bukit Tumboh	1 lot tanah Kuala Nerus
2.	4 lot Tanah Wakaf Al-Marhum Baginda, 1 lot tanah wakaf Masjid Hiliran, 5 lot tanah wakaf Masjid Tok Ku dan 1 lot tanah Wakaf Surau Tanjung Kapur (29.2%)	1 unit bangunan (3 ½ Tingkat) di bandar Kuala Terengganu
3.	1 lot tanah wakaf Madrasatul Quran	1 unit bangunan (2 Tingkat) Pekan Bukit Payong, Marang
4.	1 lot tanah Wakaf Masjid Hiliran	Bangunan kedai 4 unit di hadapan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
5.	1 lot Wakaf Masjid Pengadang Baru	Menampung pembinaan masjid Pengadang Baru

Bil.	Pengambilan Balik Tanah	Penggantian
6.	1 lot Wakaf Masjid Sungai Derhaka	1 lot tanah di Mukim Bukit Besar
7.	1 lot Wakaf Pelajaran Agama	2 lot tanah di Mukim Batu Burok, 1 lot tanah di Mukim Gelugor Raja dan 1 lot di Mukim Kubang Parit (1/4 Bhg.)
8.	1 lot Wakaf Pelajaran Agama	1 lot di Mukim Kubang Parit (1/2 Bhg.)
9.	1 lot Wakaf Pelajaran Agama	1 Lot di Mukim Kubang Parit (1/2 Bhg.)

Sumber: MAIDAM

- b. Kelewatan MAIDAM melaksanakan istibdal menjadikan nilai pampasan yang diterima pada masa pelupusan hartanah dibuat tidak dapat digunakan bagi pembelian/ perolehan hartanah yang hampir sama pada masa sekarang.
- c. **Maklum balas MAIDAM bertarikh 7 Oktober 2015, MAIDAM secara berperingkat telah mengenal pasti tanah-tanah wakaf yang perlu diistibdal iaitu mengenal pasti tanah-tanah wakaf yang telah diambil balik untuk diganti semula. Terdapat tanah wakaf yang diambil balik melibatkan tanah berkeluasan kecil dan tidak melibatkan keseluruhan keluasan tanah. Oleh itu, bagi menggantikan tanah-tanah tersebut MAIDAM merancang wang pampasan pengambilan balik dari tanah-tanah digabung bagi membeli hartanah yang lain.**

**Pada pendapat Audit, pengurusan penggantian balik tanah wakaf (istibdal) adalah kurang cekap kerana masih terdapat banyak tanah wakaf yang diambil balik tidak digantikan dengan segera.**

### 3.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**3.5.1.** Menyediakan rancangan yang komprehensif terhadap hartanah wakaf berdasarkan potensi semasa termasuk perancangan menggantikan (istibdal) hartanah wakaf yang telah diambil balik.

**3.5.2.** Menguatkuasakan syarat-syarat perjanjian sewa bagi meningkatkan prestasi kutipan sewa dan meminimumkan tunggakan sewa.

#### 4. TREFOUND EDUCARE SDN. BHD.

##### 4.1. LATAR BELAKANG

**4.1.1.** Trefound Educare Sdn. Bhd. (TESB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 4 Januari 1992. TESB merupakan anak syarikat milik penuh kepada Yayasan Terengganu (YT). Modal saham yang dibenarkan adalah berjumlah RM1.0 juta dan dibayar sepenuhnya. Penubuhan TESB bertujuan untuk melatih, mendidik, membimbing dan memberi peluang kepada golongan pelatih yang tercicir dalam bidang akademik melalui program-program kemahiran.

**4.1.2.** Aktiviti utama TESB adalah mengendalikan latihan vokasional dan kelas-kelas tuisyen dengan dikenali sebagai Institut Kemahiran Trefound Educare (IKTE). TESB turut menjalankan aktiviti sewaan hartanah dengan menyewakan sebuah premis kilang yang terletak di Seberang Perai, Pulau Pinang. TESB beroperasi di Tingkat 4, Bangunan Yayasan Terengganu, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu. TESB dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia sebagai Pusat Bertauliah (Kod L01215) sejak 1 Ogos 2002 bagi menawarkan program-program latihan kemahiran kepada pelatih-pelatih dalam bidang Sistem Komputer dan Sistem Maklumat.

**4.1.3.** Lembaga Pengarah TESB dianggotai oleh 5 ahli yang terdiri daripada YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Negeri Terengganu sebagai pengerusi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Terengganu, Pengarah Yayasan Terengganu, Ketua Penolong Pengarah Yayasan Terengganu dan seorang mantan Ahli Dewan Undangan Negeri. Selepas persaraan paksa Ketua Pegawai Eksekutif pada 20 Mac 2014, Pengurus Pusat Bertauliah telah diberi menjalankan pengurusan harian syarikat dengan dibantu oleh seramai 7 kakitangan pengurusan dan 8 tenaga pengajar.

##### 4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan TESB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dijalankan dengan ekonomi, cekap dan berkesan, serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur dan selaras dengan objektif penubuhannya.

##### 4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat TESB bagi tahun 2012 hingga bulan Mei 2015. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti TESB. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 3 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun



2012 hingga 2014. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai TESB yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan Audit turut dijalankan ke asrama pelajar di Kuala Terengganu dan premis kilang di Seberang Perai, Pulau Pinang. *Exit conference* bersama Pengurus Pusat Bertauliah TESB dan Ketua Penolong Pengarah Kewangan dari Yayasan Terengganu telah diadakan pada 18 Ogos 2015.

#### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan TESB adalah kurang memuaskan kerana keuntungan terkumpul menunjukkan penurunan yang ketara daripada RM0.36 juta pada tahun 2012 kepada RM0.05 juta pada tahun 2014. TESB mengalami kerugian semasa sebelum cukai bagi 2 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM0.23 juta pada tahun 2013 dan RM0.08 juta pada 2014 berbanding keuntungan sejumlah RM0.19 juta pada tahun 2012. Prestasi aktiviti TESB adalah memuaskan kecuali aspek pentauliahan kursus dan bilangan pengambilan pelajar yang masih belum tercapai. Manakala dari aspek tadbir urus korporat pula didapati masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dan diberikan perhatian untuk mencapai kecemerlangan. Secara ringkasnya kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti di bawah:

- Satu kursus tidak mempunyai perakuan pentauliahan dan 3 kursus lagi diluluskan secara bersyarat.
- Tiga permohonan pentauliahan tidak mendapat kelulusan JPK.
- Bilangan pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran.
- Ketidapatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat antaranya berkaitan Setiausaha Syarikat, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak bermesyuarat sejak tahun 2010, Ikrar Integriti Korporat belum dilaksanakan serta kelemahan dalam pengurusan kewangan.

##### **4.4.1. Prestasi Kewangan**

Bagi menilai prestasi kewangan TESB, analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan bagi butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

###### **4.4.1.1. Analisis Trend**

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, TESB mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM0.23 juta dan RM0.08 juta bagi tempoh tahun 2013 dan 2014 berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.19 juta pada tahun 2012.

- a. Yuran pengajian merupakan pendapatan utama TESB yang menyumbang antara 62.2% hingga 79% setahun bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Pada tahun 2014, pendapatan yuran pengajian berjumlah RM0.61 juta iaitu menurun 7.6% berbanding

tahun 2013 yang berjumlah RM0.66 juta. Manakala penyumbang pendapatan kedua tertinggi adalah daripada hasil sewa premis kilang di Seberang Perai, Pulau Pinang. Pendapatan sewa telah menyumbang antara 16.7% hingga 29.6% setahun untuk tempoh tahun 2012 hingga 2014. Bagaimanapun mulai bulan Februari 2015, penyewa telah berpindah kerana memerlukan kilang yang lebih besar untuk beroperasi. Sehingga ke tarikh pengauditan, kilang tersebut masih belum disewakan. Manakala pendapatan lain yang terdiri daripada yuran aktiviti dan yuran pendaftaran telah menyumbang sebanyak 4.2% hingga 8.2% setahun berbanding jumlah keseluruhan pendapatan TESB bagi tempoh 2012 hingga 2014.

- b. Perbelanjaan TESB bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah antara RM1.07 juta hingga RM1.24 juta setahun. Perbelanjaan TESB terdiri daripada perbelanjaan langsung, operasi dan pentadbiran. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, jumlah perbelanjaan mencatatkan penurunan setiap tahun daripada RM1.24 juta pada tahun 2012 kepada RM1.23 juta pada tahun 2013 dan RM1.07 juta pada tahun 2014. Walaupun jumlah perbelanjaan menurun setiap tahun, namun ia masih melebihi daripada jumlah pendapatan pada tahun 2013 dan 2014 seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Jumlah Perbelanjaan Berbanding Pendapatan**  
**Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014**

Tahun	Perbelanjaan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)
2012	1.24	1.43
2013	1.23	1.00
2014	1.07	0.98

Sumber: Penyata Kewangan TESB


- c. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/rugi TESB bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.2**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Pendapatan/Perbelanjaan Dan Untung Rugi TESB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014**

Butiran	Tahun		
	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan Aktiviti	1,429,582	1,002,261	984,509
Pendapatan Lain	1,293	853	902
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>1,430,875</b>	<b>1,003,114</b>	<b>985,411</b>
(-) Perbelanjaan Langsung	1,040,207	1,035,889	930,258
(-) Belanja Am/Pentadbiran Operasi	195,959	193,170	135,089
<b>Pendapatan Operasi</b>	<b>194,709</b>	<b>-225,945</b>	<b>-79,936</b>
(-) Kos Kewangan	3,316	3,316	3,316
<b>Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai</b>	<b>191,393</b>	<b>-229,261</b>	<b>-83,252</b>
Cukai	-34,746	0	0
<b>Keuntungan/Kerugian Bersih</b>	<b>156,647</b>	<b>-229,261</b>	<b>-83,252</b>
<b>Keuntungan Berkumpul</b>	<b>364,275</b>	<b>135,014</b>	<b>51,762</b>


Sumber: Penyata Kewangan TESB

**Carta 4.1**  
**Kedudukan Untung/(Rugi) Bersih**  
**Dan Untung/(Rugi) Terkumpul**  
**Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014**



Sumber: Penyata Kewangan TESB

**Carta 4.2**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan**  
**Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014**



Sumber: Penyata Kewangan TESB

#### 4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan TESB, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan TESB bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012	2013	2014
Nisbah Semasa	1.21:1	1.00:1	0.97:1
Margin Untung Bersih	13.4%	-22.9%	-8.5%
Pulangan Ke Atas Aset	0.09:1	-0.12:1	-0.05:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.16:1	-0.23:1	-0.08:1

Sumber: Penyata Kewangan TESB

#### a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan kerana berkemampuan untuk membayar hutang manakala nisbah semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa TESB bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 menunjukkan penurunan pada setiap tahun iaitu dari 1.21:1 pada tahun 2012 turun kepada 0.97:1 pada tahun 2014. Nisbah Semasa pada tahun 2014 kurang memuaskan kerana TESB tidak

berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset mudah tunainya.

#### **b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratus keuntungan yang diperoleh daripada setiap hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value-added*) terhadap keuntungan syarikat. Pada umumnya, margin yang lebih tinggi adalah lebih baik. Analisis Audit mendapati margin untung bersih TESB adalah kurang memuaskan kerana mengalami penurunan daripada 13.4% pada tahun 2012 kepada -22.9% pada tahun 2013 dan -8.5% pada tahun 2014. Penurunan ini disebabkan penurunan dalam pendapatan yuran pengajian.

#### **c. Pulangan Ke Atas Aset**

Pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2013 dan 2014 adalah kurang memuaskan masing-masing pada kadar -0.12:1 dan -0.05:1 berbanding pada tahun 2012 pada kadar 0.09:1. Secara keseluruhannya, nilai pulangan ke atas aset mengalami kerugian pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing sejumlah 12 sen dan 5 sen berbanding keuntungan pada tahun 2012 sejumlah 9 sen. Ini menunjukkan kecekapan TESB semakin menurun dalam menguruskan aset yang dimiliki bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

#### **d. Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan semakin cekap syarikat menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti adalah kurang memuaskan kerana menunjukkan penurunan. Pada tahun 2013 dan 2014, setiap ringgit modal yang digunakan telah mengalami kerugian masing-masing sejumlah 23 sen dan 8 sen berbanding keuntungan/pulangan sejumlah 16 sen pada tahun 2012. Ini menunjukkan kecekapan TESB semakin menurun dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh keuntungan/pulangan yang tinggi.

- e. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, prestasi pengambilan pelajar tahun 2015 telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu seramai 170 orang bagi tempoh bulan Januari hingga Ogos 2015. Antara faktor yang mendorong peningkatan ini adalah sokongan dari YT melalui pembiayaan tajaan mulai bulan Julai 2014. Faktor ini telah merangsang peningkatan positif pengambilan pelatih di mana ibu bapa telah kembali berminat dan mempercayai untuk menghantar anak mereka menyambung pengajian di TESB.**

Pada pendapat Audit, prestasi dan kedudukan kewangan TESB adalah kurang memuaskan kerana penurunan keuntungan terkumpul yang ketara daripada RM0.36 juta pada tahun 2012 kepada RM0.05 juta pada tahun 2014 akibat kerugian yang dicatatkan pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM0.23 juta dan RM0.08 juta.

#### **4.4.2. Pengurusan Aktiviti Syarikat**

Pengurusan aktiviti yang cekap dapat memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian matlamat TESB sebagai sebuah institusi latihan kemahiran yang berkemampuan membekalkan tenaga mahir yang terlatih khusus dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti syarikat mendapati perkara-perkara seperti berikut:

##### **4.4.2.1. Kursus Tiada Perakuan Pentauliahan**

- a. Setiap institusi pengajian yang menawarkan kursus teknikal perlu mendapatkan sijil pentauliahan iaitu Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Ini bagi menjamin kursus yang ditawarkan mengikut standard yang ditetapkan dan berkualiti.
- b. Sehingga bulan Mei 2015, TESB menawarkan 6 kursus iaitu 4 kursus di peringkat Sijil dan 2 kursus di peringkat Diploma. Semakan Audit mendapati TESB telah menawarkan satu kursus baru iaitu kursus Perakaunan Berkomputer Sage (UBS). Bagaimanapun pihak TESB tidak membuat permohonan untuk mendapatkan sijil pentauliahan bagi kursus tersebut. Kursus ini merupakan usahasama dengan Imbasan Nilai Sdn. Bhd. (INSB) dan dibiayai dari Dana Kewangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW). Tempoh kursus ini memakan masa selama 6 bulan yang melibatkan tempoh belajar secara teori selama 3 bulan dan praktikal selama 3 bulan yang dimulakan pada bulan Februari 2015 hingga Ogos 2015. Sehingga ke tarikh pengauditan, seramai 11 orang pelajar sedang mengikuti kursus ini dan telah menamatkan tempoh teori selama 3 bulan sementara menunggu bagi menjalani praktikal selama 3 bulan lagi.

- c. Selain daripada 6 kursus yang ditawarkan di atas, TESB juga telah membuat permohonan bagi mendapatkan sijil pentauliahan terhadap 3 lagi kursus iaitu Penyeliaan Pengurusan Pejabat, Pentadbiran Sistem Maklumat dan Perkhidmatan Rangkaian Komputer. Bagaimanapun, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan daripada JPK. Ini disebabkan peralatan latihan dan modul kursus yang disediakan oleh pihak pengurusan TESB tidak mengikut kehendak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan *Written Instructional Material* (WIM). Sehingga ke tarikh pengauditan, TESB telah membuat permohonan semula dengan mengambil kira prosedur dan kriteria yang ditetapkan.
- d. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, INSB merupakan pusat latihan yang berdaftar dengan Sage UBS. Pelajar yang tamat menjalani kursus akan diberi sijil penyertaan. Menurut maklum balas TESB bertarikh 4 November 2015, TESB telah mendapat kelulusan sijil pentauliahan penuh daripada JPK bagi 3 kursus tersebut.**

#### 4.4.2.2. Nisbah Tenaga Pengajar Berbanding Pelajar Menepati Kehendak JPK

JPK menetapkan nisbah bilangan tenaga pengajar berbanding pelajar bagi setiap kursus yang ditawarkan oleh Pusat Bertauliah adalah pada kadar 1:25. Ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Semakan Audit terhadap nisbah bilangan tenaga pengajar berbanding pelajar mengikut kursus mendapati TESB telah mematuhi penetapan nisbah tersebut bagi kesemua kursus yang ditawarkan seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Nisbah Bilangan Tenaga Pengajar Berbanding Pelajar**  
**Mengikut Kursus Bagi Tahun 2015**

Bil.	Nama Kursus	Tahun 2015		Nisbah Tenaga Pengajar Berbanding Pelajar
		Bilangan Tenaga Pengajar	Bilangan Pelajar	
1.	Diploma Eksekutif Sistem Maklumat	2	19	1:10
2.	Diploma Pembantu Jurutera Sistem Komputer	2	9	1:5
3.	Sijil Pengurusan Pejabat	2	33	1:17
4.	Sijil Penyelia Tadbir Sistem Maklumat	2	12	1:6
5.	Sijil Operasi Sistem Komputer	2	16	1:8
6.	Sijil Pegawai Latihan Vokasional (VTO)	2	22	1:11

Sumber: Rekod Pengambilan Pelajar

#### 4.4.2.3. Prestasi Pengambilan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran

- a. Pengambilan pelajar mengikut kursus di TESB dilakukan sebanyak 4 kali setahun iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober. Pelan Transformasi TESB menetapkan sasaran bilangan pengambilan pelajar adalah seramai 200 orang setiap tahun bagi semua kursus yang ditawarkan. Semakan Audit mendapati jumlah pengambilan pelajar bagi tahun 2012 hingga 2014 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan masing-masing sebanyak 56.5%, 61% dan 74%. Manakala pengambilan

pelajar sehingga Mei 2015 adalah seramai 73 pelajar atau 36.5%. Prestasi pengambilan pelajar bagi tahun 2012 hingga Mei 2015 seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Pengambilan Pelajar Bagi Tahun 2012 Hingga Mei 2015**

Pengambilan		2012	2013	2014	Mei 2015
Januari	Kemahiran Tahap 2	-	7	-	10
	Kemahiran Tahap 3	-	-	18	17
	Kemahiran Tahap 4	-	2	-	16
	Pegawai Latihan Vokasional (VTO)	-	-	-	3
	Perakaunan Berkomputer Sage UBS	-	-	-	11
April	Kemahiran Tahap 2	-	10	4	9
	Kemahiran Tahap 3	46	24	-	7
	Kemahiran Tahap 4	-	30	12	-
	Pegawai Latihan Vokasional (VTO)	-	-	-	-
	Perakaunan Berkomputer Sage UBS	-	-	-	-
Julai	Kemahiran Tahap 2	-	18	13	-
	Kemahiran Tahap 3	-	6	26	-
	Kemahiran Tahap 4	-	-	40	-
	Pegawai Latihan Vokasional (VTO)	-	-	-	-
	Perakaunan Berkomputer Sage UBS	-	-	-	-
Oktober	Kemahiran Tahap 2	28	-	5	-
	Kemahiran Tahap 3	-	10	-	-
	Kemahiran Tahap 4	39	-	15	-
	Pegawai Latihan Vokasional (VTO)	-	15	15	-
	Perakaunan Berkomputer Sage UBS	-	-	-	-
<b>Jumlah Pengambilan</b>		<b>113</b>	<b>122</b>	<b>148</b>	<b>73</b>
<b>Peratusan Berdasarkan Sasaran – 200 orang</b>		<b>56.5%</b>	<b>61.0%</b>	<b>74.0%</b>	<b>36.5%</b>

Sumber: Rekod Pengambilan Pelajar

- b. Faktor pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran adalah kerana sambutan daripada pelajar yang kurang memberangsangkan dan persaingan daripada institut/kolej pengajian lain. Permintaan yang kurang daripada masyarakat menyebabkan kurangnya pelajar yang mendaftar di TESB. Semakan Audit mendapati pelbagai usaha telah dijalankan oleh TESB untuk menarik minat pelajar bagi mengikuti kursus yang ditawarkan seperti pengedaran risalah seperti di **Gambar 4.1**, memasang kain rentang di lokasi terpilih dan menyertai promosi atau pameran di ekspo pendidikan. Pada tahun 2015, TESB telah menyertai Karnival Pendidikan MARA bertempat Pusat Dagangan Terengganu seperti di **Gambar 4.2**.

**Gambar 4.1**  
**Risalah Tawaran Kursus**



Sumber: Trefound Educare Sdn Bhd

**Gambar 4.2**  
**Penyertaan Di Karnival Pendidikan MARA**



Sumber: Trefound Educare Sdn Bhd  
Lokasi: Pusat Dagangan Terengganu  
Tarikh: 9 April 2015

- c. Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, TESB akan berusaha keras untuk mencapai sasaran pengambilan pelajar yang ditetapkan. Pihak TESB sedang giat mengadakan promosi secara pameran/booth bagi memastikan bilangan pengambilan pelajar mencapai sasaran. Sehingga bulan Ogos 2015, pengambilan pelajar telah menghampiri sasaran iaitu seramai 170 pelatih (85%) dari sasaran 200 orang pelajar.

#### 4.4.2.4. Pencapaian Bilangan Pelajar Lulus/Tamat Pengajian

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, seramai 306 daripada 383 pelajar telah lulus dengan jayanya manakala seramai 46 pelajar telah gagal. Sementara itu, seramai 31 pelajar telah berhenti dari meneruskan pengajian. Maklumat mengenai status pengajian pelajar dan pencapaian pelajar berjaya mengikut bidang kemahiran adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **Jadual 4.7**. Faktor pelajar gagal meneruskan pelajaran adalah disebabkan pelajar tidak menyiapkan portfolio, gagal peperiksaan amali dan gagal menyiapkan projek akhir seperti mana kriteria yang ditetapkan oleh JPK.

**Jadual 4.6**  
**Status Pengajian Pelajar Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Bilangan Pengambilan Pelajar	Status Pengajian (Bil. Pelajar)			*Kelulusan (%)
		Berhenti	Gagal	Lulus	
2012	113	13	9	91	91.0
2013	122	8	15	99	86.8
2014	148	10	22	116	84.1
<b>Jumlah</b>	<b>383</b>	<b>31</b>	<b>46</b>	<b>306</b>	<b>86.9</b>

Sumber: Rekod Pentauliahan Pelajar

Nota: \* Pelajar lulus dibahagi dengan (bilangan pengambilan pelajar tolak berhenti)



**Jadual 4.7**  
**Pencapaian Pelajar Berjaya Mengikut Bidang Kemahiran**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Bidang Kemahiran	Pencapaian Pelajar Berjaya		
		Tahun	Bilangan Pelajar	Jumlah
1.	Pembantu Tadbir Sistem Maklumat	2012	11	25
		2013	9	
		2014	5	
2.	Penyelia Tadbir Sistem Maklumat	2012	20	74
		2013	20	
		2014	34	
3.	Eksekutif Sistem Maklumat	2012	15	57
		2013	11	
		2014	31	
4.	Pembantu Juruteknik Sistem Komputer	2012	15	52
		2013	20	
		2014	17	
5.	Juruteknik Sistem Komputer	2012	18	37
		2013	10	
		2014	9	
6.	Pembantu Eksekutif Sistem Komputer	2012	12	31
		2013	14	
		2014	5	
7.	Pegawai Latihan Vokasional	2012	0	30
		2013	15	
		2014	15	
<b>Jumlah</b>			<b>306</b>	<b>306</b>

Sumber: Rekod Pentauliahan Pelajar

#### 4.4.2.5. Maklum Balas Soal Selidik

- a. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada 41 pelajar lelaki dan 59 pelajar perempuan bertujuan untuk mengenalpasti program yang dilaksanakan dan menilai tahap kepuasan pelajar mengenai kemudahan yang disediakan. Kesemua borang soal selidik telah diterima daripada pelajar-pelajar tersebut. Hasil maklum balas adalah seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Hasil Maklum Balas Soal Selidik**

Bil.	Kategori	Jumlah Responden	Peratus (%)	
1.	Sumber Maklumat Institusi Kemahiran Trefound Educare	Pameran/ <i>Booth</i>	34	34
		Rakan-Rakan/Senior	48	48
		Radio	1	1
		Lain-Lain	17	17
2.	Bерpuashati Dengan Tenaga Pengajar	Ya	100	100
		Tidak	0	0
3.	Modul Mudah Difahami	Ya	99	99
		Tidak	1	1
4.	Modul Terbaru Digunakan	Ya	93	93
		Tidak	7	7
5.	Peralatan Pembelajaran Yang Mencukupi	Ya	89	89
		Tidak	11	11
6.	Tempoh Pembelajaran Mencukupi Bagi Setiap Semester	Ya	95	95
		Tidak	5	5

Bil.	Kategori		Jumlah Responden	Peratus (%)
7.	Makmal Yang Selesa	Ya	91	91
		Tidak	9	9
		Tidak Berkenaan	0	0
8.	Asrama Yang Selesa	Ya	52	52
		Tidak	18	18
		Tidak Berkenaan	30	30
9.	Bilik Kuliah Yang Selesa	Ya	97	97
		Tidak	3	3
		Tidak Berkenaan	0	0
10.	Penerima Tajaan/Pinjaman	Ya	100	100
		Tidak	0	0
11.	Tempoh Penerimaan Wang Tajaan	Cepat	38	38
		Tidak Menentu	55	55
		Lambat	7	7
12.	Bayaran Yuran Di Institusi Ini	Mahal	3	3
		Murah	6	6
		Berpatutan	91	91
13.	Minat Pelajar Untuk Menyertai Modul Lanjutan Di Institusi Ini	Ya	92	92
		Tidak	8	8
14.	Kehadiran Pada Hari Graduasi	Ya	98	98
		Tidak	2	2

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Analisis Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut:

- i. Aspek pemasaran bagi menarik minat pelajar baru melalui pameran/*booth* serta sumber rakan-rakan (*Free Marketing*) lebih berkesan berbanding media radio.
- ii. Secara keseluruhannya, pelajar berpuas hati terhadap tenaga pengajar yang menggunakan modul yang mudah, mengikut kehendak dan keperluan semasa dan peralatan yang mencukupi.
- iii. Pelajar-pelajar memberi maklum balas positif terhadap keselesaan makmal dan bilik kuliah.
- iv. Maklum balas dari 100% responden menyatakan menerima biasiswa serta kemudahan pinjaman dari Yayasan Terengganu. Bagaimanapun, sebanyak 38% responden menerima tajaan pada kadar yang cepat manakala 7% dalam tempoh yang lambat dan 55% lagi menerima wang tajaan tersebut pada kadar yang tidak menentu dan tiada tempoh/tarikh khas terimaan tersebut.
- v. Sebanyak 92% responden memberikan maklum balas untuk menyambung pelajaran pada peringkat lanjutan sekiranya TESB memberi peluang tersebut.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti TESB adalah memuaskan kecuali satu kursus yang dijalankan tidak mempunyai pentauliahan, peralatan latihan mengikut NOSS tidak mencukupi dan bilangan pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.**

#### 4.4.3. Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan TESB mendapati perkara berikut:

##### 4.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan seperti mana yang diperuntukkan dalam Memorandum Dan Artikel syarikat serta Akta Syarikat 1965. Bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menetapkan jumlah kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang perlu diadakan pada setiap tahun. Syarikat telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat sebanyak 4 kali pada tahun 2012, 3 kali pada tahun 2013 dan 2 kali pada tahun 2014. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 29 April 2015 adalah mesyuarat kali pertama bagi tahun 2015. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, bermula tahun 2014 cadangan jadual mesyuarat Lembaga Pengarah telah diedarkan pada awal tahun. Bagaimanapun, mesyuarat kali pertama tahun 2015 lewat diadakan kerana TESB mengalami pertukaran Ahli Lembaga Pengarah.**

##### 4.4.3.2. Setiausaha Syarikat Tidak Hadir Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah

Setiausaha Syarikat hendaklah menjalankan tugas dan berpandukan kepada Kod Etika Setiausaha Syarikat dan berlandaskan Amalan Tadbir Urus Korporat yang terbaik di samping pemahaman yang mendalam mengenai Akta Syarikat 1965 serta lain-lain perundangan yang berkaitan. Semakan Audit mendapati TESB telah melantik seorang Setiausaha Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Bagaimanapun, beliau tidak hadir bagi menjalankan tugas mengendalikan mesyuarat Lembaga Pengarah sebanyak 7 kali iaitu mulai mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-43 pada 8 Ogos 2012 hingga Kali Ke-49 pada 6 April 2014. Ini menyebabkan tugas menyediakan minit mesyuarat telah diambil alih oleh pengurus pentadbiran yang tidak mempunyai kelayakan/lesen daripada SSM. Antara sebab beliau tidak hadir kerana kurang persefahaman dengan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, Mesyuarat Lembaga Pengarah bersetuju untuk menukarkan Setiausaha Syarikat mulai 1 Julai 2015. Pihak pengurusan TESB akan memastikan Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memainkan peranan untuk**

hadir, mencatat dan menyediakan segala minit mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.

#### **4.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Tidak Pernah Mengadakan Mesyuarat Sejak Tahun 2010**

Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan kerajaan. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang ahli dan tidak melebihi 5 orang ahli. Setiausaha bagi Jawatankuasa ialah Pengurus Audit Dalaman Syarikat Induk. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau seperti mana tempoh yang ditentukan oleh pengerusinya. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah ditubuhkan dengan 4 orang ahli termasuk Ketua Unit Audit Dalaman YT. Bagaimanapun, beliau tidak berperanan sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa ini. Selain itu, mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada 4 Februari 2010 adalah yang terakhir. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, struktur Jawatankuasa akan diperkemaskan dan dibentangkan untuk kelulusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.**

#### **4.4.3.4. Pelantikan Juruaudit**

Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bertanggungjawab mengkaji prestasi audit luar dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan semula dan yuran tahunan firma berkenaan. Semakan Audit mendapati Tetuan Su Lim & Co. telah dilantik sebagai Juruaudit Syarikat bagi menjalankan pengauditan ke atas penyata kewangan TESB sejak penubuhan syarikat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati penyata kewangan TESB bagi tahun 2011 hingga 2014 telah diaudit oleh Tetuan Cheng & Co. tanpa pelantikan baru setelah firma Tetuan Su Lim & Co. diambil alih oleh Tetuan Cheng & Co. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, TESB telah mengambil tindakan dan melantik Juruaudit baru pada 29 April 2015.**

#### **4.4.3.5. Strategi Dan Rancangan Korporat**

Amalan terbaik menetapkan syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemaskinikan strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat bagi mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Ia juga hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat itu dan perlu memperincikan antaranya hala tuju, rancangan jangka pendek dan jangka panjang, petunjuk prestasi utama dan sasaran yang ditetapkan. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati TESB ada menyediakan Pelan Transformasi IKTE 2015 - 2020 sebagai satu rancangan korporat berkaitan strategi program pendidikan, pemasaran, urus niaga dan urus modal insan. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, mesyuarat Lembaga**

Pengarah telah meluluskan Pelan Transformasi IKTE 2015 - 2020. TESB juga sedang merancang untuk mencari lokasi yang lebih sesuai dan strategik bagi menaik taraf TESB menjadi sebuah kolej yang lengkap dengan segala fasiliti. Perkara ini akan dapat dicapai dengan sokongan yang positif pada masa ini dari Yayasan Terengganu.

#### 4.4.3.6. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) Belum Dilaksanakan

Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) ialah dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat membuat komitmen untuk mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk syarikat korporat di Malaysia. Dengan menandatangani ikrar ini, sesebuah syarikat membuat keputusan satu pihak (*unilateral*) bahawa syarikat tidak akan terlibat dalam jenayah rasuah dan akan berganding bahu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah untuk syarikat di Malaysia dalam urusan perniagaan dan interaksinya dengan rakan perniagaan dan juga Kerajaan. Semakan Audit mendapati TESB belum menandatangani ikrar tersebut. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, TESB akan menandatangani Ikrar Integriti Korporat dan dimaklumkan ke dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.**

#### 4.4.3.7. *Standard Operating Procedures (SOP)* Tidak Dilengkapkan Dengan Peraturan Kewangan, Skim Perkhidmatan Dan Pengurusan Aset

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudah dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati TESB mempunyai Peraturan Kewangan dan Skim Perkhidmatan Kakitangan TESB sebagai *SOP*. Bagaimanapun, Peraturan Kewangan TESB yang disediakan hanya menggariskan rujukan mengenai kuasa menandatangani cek, melulus perbelanjaan/pembayaran, proses pesanan dan proses urusan kewangan. Manakala polisi dan prosedur kerja berkaitan kutipan wang, penyediaan baucar, resit, invoice serta pengurusan aset, inventori dan kenderaan syarikat tidak disediakan. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, SOP dan peraturan kewangan TESB akan dikemas kini dan dilengkapkan sebagaimana yang disyorkan oleh pihak Audit.**

#### 4.4.3.8. Pengurusan Kewangan

- a. Pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan dapat memantapkan operasi syarikat serta memastikan objektif syarikat tercapai. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan TESB mendapati perkara seperti berikut:

- i. Pengasingan tugas tidak dibuat dalam memastikan prosedur penerimaan wang lebih telus. Semakan Audit mendapati tugas menerima wang, menulis resit dan tandatangan resit dilakukan oleh pegawai yang sama.
  - ii. Pengesahan terhadap pungutan yang telah dibankkan tidak dapat ditentukan kerana slip bayar masuk bank tidak mencatatkan nombor resit sebagai rujukan bagi mengenal pasti perihal/butiran terimaan.
  - iii. Baucar bayaran tidak disokong/dikepil bersama-sama dokumen asal, lengkap dan sempurna. Selain itu, salinan dokumen sokongan tidak dibuat pengesahan oleh pegawai bertanggungjawab.
  - iv. Sebanyak 21 daripada 53 baucar bayaran dan dokumen sokongan tidak ditebuk atau dicap 'TELAH BAYAR' bagi memastikan dokumen tersebut tidak digunakan semula untuk pembayaran.
  - v. TESB tidak mempunyai garis panduan dan peraturan yang khusus berkaitan dengan perolehan, pendaftaran, penyenggaraan, penggunaan dan pelupusan aset bagi memastikan pengurusan aset syarikat lebih teratur.
  - vi. Tiada bukti menunjukkan pemeriksaan tahunan aset ada dijalankan.
  - vii. Buku log kenderaan tidak diselenggarakan sepanjang tahun 2014.
- b. **Menurut maklum balas TESB bertarikh 13 Ogos 2015, TESB akan memperbaiki segala kelemahan dan mengemaskinikan prosedur serta pengurusan kewangan sebagaimana yang disyorkan oleh pihak Audit.**

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat kurang memuaskan kerana Setiausaha Syarikat dan Jawatankuasa Audit tidak berperanan, Ikrar Integriti Korporat tidak disediakan, *Standard Operating Procedures* tidak menyeluruh, kelemahan dalam kawalan pendapatan, perbelanjaan dan pengurusan aset.

#### 4.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan Trefound Educare Sdn. Bhd., pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

**4.5.1.** Memastikan program usahasama atau francais dengan mana-mana pihak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya.

**4.5.2.** Menyediakan Strategi Dan Rancangan Korporat serta *Standard Operating Procedures* yang menyeluruh sebagai garis panduan yang jelas bagi memastikan tadbir urus korporat, pengurusan kewangan dan pengurusan aset dapat diuruskan dengan baik.



---

PENUTUP

---





---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**18 Oktober 2015**







---

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA